# Ketuhar gelombang mikro

## Manual pengguna

MC35J8088**



# Kandungan





MC35J8088LT_SM_DE68-04321K-01_MS.indd 2 2015-04-24 3:46:52

# Menggunakan manual pengguna ini

Anda baru sahaja membeli ketuhar gelombang mikro SAMSUNG. Panduan Pemilik anda mengandungi maklumat yang berguna mengenai cara memasak menggunakan ketuhar gelombang mikro anda:

- Langkah-langkah keselamatan
- Aksesori dan perkakas memasak yang sesuai
- Petua memasak yang berguna
- Petua memasak

## Simbol berikut digunakan dalam Manual Pengguna ini:



**AMARAN**

Bahaya atau amalan-amalan yang tidak selamat yang boleh menyebabkan **kecederaan diri yang teruk atau kematian**.

**AWAS**

Bahaya atau amalan-amalan yang tidak selamat yang boleh menyebabkan **kecederaan diri yang tidak serius atau kerosakan harta benda**.

**NOTA**

Petua berguna, saranan atau maklumat yang membantu pengguna memanipulasi produk.



MC35J8088LT_SM_DE68-04321K-01_MS.indd 3 2015-04-24 3:46:53

# Arahan keselamatan

## ARAHAN KESELAMATAN PENTING

BACA DENGAN TELITI DAN SIMPAN UNTUK RUJUKAN PADA MASA HADAPAN.

PASTIKAN LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN INI DIPATUHI SEPANJANG MASA.

SEBELUM MENGGUNAKAN KETUHAR, PASTIKAN ARAHAN BERIKUT DIIKUTI.

## Fungsi gelombang mikro sahaja

**AMARAN**: Jika pintu atau kedap pintu rosak, ketuhar tidak boleh dikendalikan sehingga ia telah dibaiki oleh orang yang cekap.

**AMARAN**: Adalah berbahaya bagi seseorang yang tidak cekap menjalankan sebarang servis atau operasi pembaikan yang melibatkan kerja menanggalkan penutup yang memberi perlindungan daripada pendedahan kepada tenaga gelombang mikro.

**AMARAN**: Cecair dan makanan lain tidak boleh dipanaskan di dalam bekas yang dikedap kerana ia boleh meletup.

Alat ini dimaksudkan untuk digunakan di rumah sahaja dan ia tidak dimaksudkan untuk digunakan seperti:

- kawasan dapur kakitangan di dalam kedai, pejabat dan persekitaran kerja yang lain;
- rumah ladang;
- oleh pelanggan di dalam hotel, motel dan jenis persekitaran kediaman yang lain;
- jenis persekitaran inap-sarapan.

**AMARAN**: Hanya benarkan kanak-kanak menggunakan ketuhar tanpa penyeliaan apabila arahan yang mencukupi telah diberikan supaya kanak-kanak tersebut boleh menggunakan ketuhar dengan cara yang selamat dan memahami bahaya penggunaan yang tidak betul.

**AMARAN**: Alat ini boleh digunakan oleh kanak-kanak berusia 8 tahun ke atas dan orang-orang yang kekurangan keupayaan fizikal, deria atau mental atau kurang pengalaman dan pengetahuan jika mereka telah diselia atau diberi arahan mengenai penggunaan alat dengan cara yang selamat dan memahami bahaya yang terlibat. Kanak-kanak tidak seharusnya bermain dengan alat ini. Kanak-kanak tidak sepatutnya melakukan pembersihan dan penyenggaraan pengguna melainkan mereka berusia daripada 8 tahun ke atas dan diawasi.

Hanya gunakan perkakas dapur yang sesuai untuk digunakan dalam ketuhar gelombang mikro.

Apabila memanaskan makanan dalam bekas plastik atau kertas, perhatikan ketuhar untuk mengesan kemungkinan pencetusan bunga api.

Ketuhar gelombang mikro dimaksudkan untuk pemanasan makanan dan minuman. Pengeringan makanan atau pakaian dan pemanasan pad penghangat, selipar, span, kain lembap dan yang seakan-akan sama boleh menyebabkan risiko kecederaan, penyalaan atau kebakaran.

Jika asap dikeluarkan (kelihatan), matikan atau cabut palam alat dan pastikan pintu ketuhar ditutup untuk mematikan api.

**AMARAN**: Memanaskan minuman menggunakan gelombang mikro boleh mengakibatkan pendidihan meluap tertunda; oleh itu, pastikan anda berhati-hati apabila memegang bekas.

**AMARAN**: Kandungan botol makanan bayi dan balang makanan bayi harus dikacau atau digoncang dan suhunya diperiksa sebelum makanan dimakan, bagi mengelakkan luka terbakar.

Telur dalam kulitnya dan telur rebus tidak harus dipanaskan di dalam ketuhar gelombang mikro oleh kerana ia boleh meletup, walaupun setelah pemanasan gelombang mikro telah selesai.

Ketuhar harus dibersihkan dengan tetap dan sebarang cebisan makanan ditanggalkan.

# Arahan keselamatan

Kegagalan mengekalkan ketuhar dalam keadaan yang bersih boleh mengakibatkan kerosakan pada permukaannya yang boleh memendekkan hayat peralatan ini dan mungkin mengakibatkan situasi yang berbahaya.

Alat ini tidak dimaksudkan untuk dipasang di dalam kenderaan jalan raya, karavan, dan kenderaan-kenderaan yang serupa dll.

Alat ini bukan untuk digunakan oleh orang-orang (termasuk kanak-kanak) yang mempunyai keupayaan fizikal, sensori atau mental yang kurang, atau tidak berpengalaman dan berpengetahuan, kecuali mereka telah diberikan penyeliaan atau arahan tentang penggunaan alat ini oleh orang yang bertanggungjawab bagi keselamatan mereka.

Kanak-kanak harus diselia bagi memastikan mereka tidak bermain dengan alat ini.

Jika kord bekalan rosak, ia mesti diganti oleh pengilang, ejen perkhidmatannya atau orang-orang yang sama berkelayakan bagi mengelakkan bahaya.

Alat ini tidak sepatutnya dibersihkan dengan pancutan air.

Ketuhar ini mesti diletakkan mengadap arah dan ketinggian yang betul yang membenarkan capaian mudah pada rongga dan kawasan kawalan.

Sebelum menggunakan ketuhar anda buat kali pertama, ketuhar harus dikendalikan bersama air selama 10 minit dan kemudian baru digunakan.

Jika ketuhar ini mengeluarkan bunyi bising, bau terbakar atau mengeluarkan asap , cabut palam kuasa dengan segera dan hubungi pusat perkhidmatan yang terdekat dengan anda.

Ketuhar gelombang mikro harus diletakkan di tempat yang sesuai supaya palamnya mudah dicapai.

Ketuhar gelombang mikro ini dimaksudkan untuk digunakan di atas kaunter (bebas) sahaja; ketuhar gelombang mikro ini tidak harus diletakkan di atas kabinet.

## Fungsi ketuhar sahaja - Pilihan

**AMARAN**: Apabila alat dikendalikan dalam mod kombinasi, kanak-kanak hanya boleh menggunakan ketuhar di bawah penyeliaan orang dewasa kerana suhu yang dijana.

Semasa digunakan, alat ini menjadi panas. Berhati-hati agar tidak menyentuh elemen-elemen pemanas di dalam ketuhar.

**AMARAN**: Bahagian-bahagian yang boleh dicapai akan menjadi panas semasa digunakan. Kanak-kanak kecil tidak harus mendekati ketuhar.

Pembersih wap tidak boleh digunakan.

**AMARAN**: Pastikan alat ini dimatikan sebelum menggantikan lampu bagi mengelakkan kemungkinan kejutan elektrik.

Jangan gunakan pembersih kasar yang kuat atau pengerik logam yang tajam untuk membersihkan kaca pintu ketuhar kerana ia boleh mencalarkan permukaannya, yang boleh mengakibatkan kaca itu pecah.

**AMARAN**: Alat dan bahagian alat yang boleh dicapai menjadi panas semasa penggunaan.

Berhati-hati agar tidak menyentuh elemen-elemen pemanas.

Kanak-kanak berusia kurang daripada 8 tahun seharusnya dijauhkan melainkan sentiasa diselia.

Alat ini boleh digunakan oleh kanak-kanak berusia 8 tahun ke atas dan orang-orang yang kekurangan keupayaan fizikal, deria atau mental atau kurang pengalaman dan pengetahuan jika mereka telah diselia atau diberi arahan mengenai penggunaan alat dengan cara yang selamat dan memahami bahaya yang terlibat. Kanak-kanak tidak seharusnya bermain dengan alat ini. Pembersihan dan penyelenggaraan pengguna tidak seharusnya dilakukan oleh kanak-kanak tanpa seliaan.

Suhu permukaan boleh dicapai mungkin tinggi semasa alat sedang beroperasi.

# Arahan keselamatan

Pintu atau permukaan luar mungkin menjadi panas semasa alat sedang beroperasi.

Jauhkan alat dan kordnya daripada capaian kanak-kanak berusia kurang daripada 8 tahun.

Alat-alat tidak dimaksudkan untuk dikendalikan dengan menggunakan pemasa luaran atau sistem kawalan jauh berasingan.

## Keselamatan umum

**⚠ AMARAN**

Hanya kakitangan berkelayakan patut dibenarkan untuk mengubahsuai atau memperbaiki alat.

Jangan panaskan cecair atau makanan lain dalam bekas yang dikedap menggunakan fungsi gelombang mikro.

Untuk keselamatan anda, jangan gunakan pembersih air tekanan tinggi atau pembersih jet wap.

Jangan pasang alat ini; berdekatan pemanas, bahan mudah terbakar, di lokasi yang lembap, berminyak dan berhabuk, di lokasi yang terdedah kepada sinaran cahaya matahari dan air atau di mana kebocoran gas boleh berlaku; atau tapak yang tidak rata.

Alat ini mesti dibumikan dengan betul menurut kod-kod tempatan dan antarabangsa.

Hilangkan semua bahan-bahan asing seperti habuk atau air dari terminal-terminal palam kuasa dan titik sentuhan menggunakan kain kering dengan kerap.

Jangan tarik atau terlalu bengkokkan atau letakkan objek berat atas kord kuasa.

Sekiranya berlaku kebocoran gas (seperti gas propana, gas LP, dll), alih udara dengan segera tanpa menyentuh palam kuasa.

Jangan sentuh palam kuasa dengan tangan yang basah.

Jangan matikan alat ini dengan mencabut palam kuasa semasa ia sedang beroperasi.

Jangan masukkan jari atau benda asing. Jika sebarang benda asing seperti air memasuki alat ini, cabut palam kuasa dan hubungi pusat perkhidmatan yang terdekat dengan anda.

Jangan kenakan tekanan atau hentaman berlebihan pada alat.

Jangan letakkan ketuhar ini di atas benda yang mudah pecah seperti sinki atau benda kaca.

Jangan gunakan benzena, pencair, alkohol, pembersih wap atau pembersih tekanan tinggi untuk membersihkan alat ini.

Pastikan bahawa voltan kuasa, frekuensi dan arus adalah sama seperti spesifikasi produk.

Pasang palam kuasa pada soket dinding dengan kukuh. Jangan gunakan penyesuai berbilang palam, kord pemanjang atau pengubah elektrik.

Jangan sangkutkan kord kuasa pada objek logam, masukkan kord kuasa di antara objek atau di belakang ketuhar.

Jangan gunakan palam kuasa yang rosak, kord kuasa yang rosak atau soket dinding yang longgar. Apabila palam kuasa atau kord kuasa rosak, hubungi pusat perkhidmatan yang terdekat dengan anda.

Jangan tuang atau sembur air pada ketuhar.

Jangan letakkan objek atas ketuhar, di dalam atau di pintu ketuhar.

Jangan semburkan bahan meruap seperti ubat serangga pada permukaan ketuhar.

Jangan simpan bahan-bahan mudah terbakar di dalam ketuhar. Berhati-hati semasa memanaskan masakan atau minuman yang mengandungi alkohol kerana wap alkohol boleh terkena bahagian ketuhar yang panas.

Jauhkan kanak-kanak daripada pintu apabila membuka atau menutupnya kerana mereka mungkin terlanggar pintu atau tersepit jari pada pintu.

AMARAN: Pemanasan minuman menggunakan gelombang mikro boleh menyebabkan pendidihan letusan lewat; oleh itu anda harus berhati-hati apabila mengendalikan bekas; Untuk mencegah situasi ini SENTIASA beri masa biar sekurang-kurangnya 20 saat selepas ketuhar dimatikan supaya suhu boleh menjadi sama rata. Kacau semasa memanaskan, jika perlu, dan SENTIASA kacau selepas memanaskan.

Sekiranya kulit anda melecur, ikut arahan PERTOLONGAN CEMAS berikut:

- Rendam bahagian yang melecur dalam air sejuk selama sekurang-kurangnya 10 minit.
- Balut dengan pembalut yang bersih dan kering.
- Jangan sapu sebarang krim, minyak atau losen.

Jangan masukkan dulang atau rak ke dalam air sejurus selepas memasak kerana ia boleh menyebabkan dulang atau rak retak atau rosak.

Jangan kendalikan ketuhar gelombang mikro untuk menggoreng dengan minyak yang banyak kerana suhu minyak tidak boleh dikawal. Ini boleh menyebabkan cecair yang panas itu mendidih berlebihan.

**⚠ AWAS**

Hanya gunakan perkakas yang sesuai untuk digunakan di dalam ketuhar gelombang mikro; JANGAN gunakan sebarang bekas logam, Pinggan mangkuk makan malam dengan kemasan emas atau perak, Pencucuk, garpu, dll.

Tanggalkan ikatan pintal dawai dari beg kertas atau plastik.

Sebab: Pengarkaan atau pencucuhan elektrik boleh berlaku dan boleh merosakkan ketuhar.

Jangan gunakan ketuhar gelombang mikro untuk mengeringkan kertas atau kain.

Gunakan masa yang lebih singkat untuk makanan yang sedikit bagi mengelakkan pemanasan berlebihan dan menghanguskan makanan.

Jangan rendam kabel kuasa atau palam kuasa di dalam air dan jauhkan kabel kuasa dari haba.

# Arahan keselamatan

Telur dalam kulitnya dan telur rebus tidak harus dipanaskan di dalam ketuhar gelombang mikro oleh kerana ia boleh meletup, walaupun setelah pemanasan gelombang mikro selesai; Selain itu, jangan panaskan botol kedap udara atau dikedap vakum, balang, bekas, kacang dalam kulit, tomato, dll.

Jangan tutup lubang-lubang alur pengalihan udara dengan kain atau kertas. Ia boleh terbakar semasa udara panas keluar dari ketuhar. Ketuhar juga boleh menjadi terlalu panas dan dimatikan secara automatik, dan akan kekal dimatikan sehingga ia telah sejuk secukupnya.

Sentiasa gunakan sarung tangan ketuhar apabila mengeluarkan bekas dari ketuhar untuk mengelakkan luka terbakar yang tidak disengajakan.

Kacau cecair separuh jalan semasa memanas atau selepas pemanasan tamat dan biarkan cecair sekurang-sekurangnya 20 saat selepas pemanasan untuk mencegah pendidihan yang membuak-buak.

Berdiri sejauh kira-kira dua kaki dari ketuhar apabila membuka pintunya untuk mengelakkan melecur disebabkan udara atau wap panas yang keluar.

Jangan kendalikan ketuhar gelombang mikro semasa ia kosong. Ketuhar gelombang mikro akan dimatikan secara automatik selama 30 minit untuk tujuan keselamatan. Kami menyarankan meletakkan segelas air di dalam ketuhar sepanjang masa untuk menyerap gelombang mikro jika ketuhar gelombang mikro dihidupkan secara tidak sengaja.

Pasang ketuhar dengan mematuhi kelulusan yang dinyatakan di dalam manual ini. (Lihat memasang ketuhar gelombang mikro anda.)

Berhati-hati semasa menyambung peralatan elektrik lain pada soket berhampiran ketuhar.

## Langkah berjaga-jaga untuk mengelakkan kemungkinan pendedahan pada tenaga gelombang mikro yang melampau. (Fungsi gelombang mikro sahaja)

Kegagalan mematuhi langkah-langkah keselamatan berikut boleh mengakibatkan pendedahan kepada tenaga gelombang mikro yang memudaratkan.

**A.** Dalam apa keadaan sekalipun, jangan sekali-kali cuba mengendalikan ketuhar dengan pintunya terbuka atau mengusik saling kunci keselamatan (selak pintu) atau memasukkan sesuatu benda ke dalam lubang saling kunci keselamatan.

**B.** JANGAN letakkan sebarang objek di antara pintu ketuhar dengan muka depan atau membiarkan sisa makanan atau bahan pembersih terkumpul pada permukaan kedap. Pastikan pintu dan permukaan kedap pintu sentiasa bersih dengan mengelapnya selepas digunakan mula-mula dengan kain lembap dan kemudian dengan kain kering yang lembut.

**C.** JANGAN kendalikan ketuhar jika ia rosak sehingga ia telah dibaiki oleh juruteknik servis gelombang mikro yang berkelayakan yang dilatih oleh pembuat. Adalah penting sekali pintu ketuhar ditutup dengan betul dan tiada kerosakan pada:

   **1)** pintu (bengkok)
   **2)** engsel pintu (pecah atau longgar)
   **3)** kedap pintu dan permukaan kedap

**D.** Ketuhar tidak harus dilaras atau dibaiki oleh sesiapa pun kecuali juruteknik servis gelombang mikro yang berkelayakan dan dilatih oleh pembuat.

Samsung akan mengenakan caj pembaikan bagi menggantikan aksesori atau memperbaiki kecacatan kosmetik sekiranya kerosakan unit dan/atau kerosakan atau kehilangan aksesori disebabkan oleh pelanggan. Item bagi syarat ini merangkumi termasuk:

**A.** Pintu, pemegang, panel luar atau panel kawal yang lekuk, calar atau rosak.

**B.** Dulang, roda pandu, pengganding atau rak wayar yang rosak atau hilang.

- Gunakan alat ini hanya untuk tujuan yang dimaksudkan seperti yang diterangkan di dalam manual arahan ini. Amaran dan Arahan Keselamatan di dalam buku panduan ini tidak merangkumi semua keadaan dan situasi yang boleh berlaku. Anda bertanggungjawab untuk menggunakan akal, berwaspada dan berhati-hati semasa memasang, menyelenggarakan dan mengendalikan perkakas anda.
- Oleh kerana arahan pengendalian berikut meliputi pelbagai model, ciri ketuhar gelombang mikro anda mungkin berbeza sedikit daripada yang diterangkan di dalam manual ini dan bukan semua tanda-tanda amaran boleh digunakan. Jika anda mempunyai sebarang soalan atau keprihatinan, hubungi pusat perkhidmatan yang terdekat dengan anda atau dapatkan bantuan dan maklumat dalam talian di www.samsung.com.
- Ketuhar gelombang mikro ini seharusnya digunakan untuk memanaskan makanan. Ianya bertujuan untuk kegunaan rumah domestik sahaja. Jangan panaskan apa-apa jenis tekstil atau kusyen yang diisi dengan bijian, yang boleh menyebabkan melecur dan kebakaran. Pengilang tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk kerosakan yang disebabkan oleh penggunaan alat yang tidak sesuai atau tidak betul.
- Kegagalan mengekalkan ketuhar dalam keadaan yang bersih boleh mengakibatkan kerosakan pada permukaannya yang boleh memendekkan hayat alat ini dan mungkin mengakibatkan situasi yang berbahaya.

# Arahan keselamatan

## Arahan Pemasangan & Pendawaian

NOTA PENTING :

Kabel utama pada peralatan ini diberikan bersama palam teracu yang dilengkapkan dengan fius. Nilai fius dinyatakan pada muka pin palam dan, sekiranya perlu diganti, fius yang diluluskan untuk BS1363 bagi penarafan yang sama hendaklah digunakan.
Jangan sekali-kali menggunakan palam yang tidak mempunyai penutup fius jika penutupnya boleh ditanggalkan. Jika penutup fius gantian diperlukan, ia hendaklah daripada warna yang sama seperti muka pin palam.
Penutup gantian boleh didapati daripada Penjual anda. Jika palam yang disediakan tidak sesuai untuk punca kuasa di rumah anda atau kabel tidak cukup panjang untuk sampai ke punca kuasa, anda perlu mendapatkan wayar sambungan lulus keselamatan yang sesuai atau hubungi Penjual anda untuk bantuan. Walau bagaimanapun, jika tiada alternatif selain memotong palamnya, keluarkan fius dan kemudian buang palam dengan cara yang selamat. Jangan sambungkan palam pada soket utama, kerana terdapat risiko bahaya kejutan dari kord fleksibel yang terdedah.

## Arahan pendawaian

AMARAN ALAT INI MESTI DIBUMIKAN.

Alat ini mesti dibumikan. Sekiranya berlaku litar pintas, pembumian mengurangkan risiko kejutan elektrik dengan menyediakan wayar lepasan untuk arus elektrik. Alat ini dilengkapi dengan kabel utama yang termasuk wayar bumi untuk menyambung ke terminal bumi palam utama anda. Palam mestilah dipasang pada soket yang telah dipasang dan dibumikan dengan betul.

**NOTA**

Wayar dalam kabel utama ini diwarnakan mengikut kod berikut:

- Hijau dan kuning : Bumi
- Biru : Neutral
- Coklat : Hidup


Oleh kerana warna wayar dalam kabel utama alat ini mungkin tidak mengikut tanda berwarna yang mengenal pasti terminal di dalam palam anda, lakukan seperti berikut.

Sambungkan wayar hijau dan kuning pada terminal di dalam palam yang ditandakan dengan huruf E atau simbol bumi ( ⏚ ) atau diwarnakan hijau atau hijau-dan-kuning.

Sambungkan wayar biru pada terminal yang ditandakan dengan huruf N atau diwarnakan hitam.



Dapatkan nasihat juruelektrik atau juruteknik perkhidmatan yang berkelayakan sekiranya anda ragu-ragu tentang mana-mana arahan ini.
Pengeluar ketuhar ini tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang liabiliti bagi kerosakan kepada orang atau bahan akibat ketidakpatuhan akan syarat-syarat ini.
Tiada bahagian yang boleh diservis pengguna di dalam ketuhar ini dan jika kabel utama peralatan ini rosak, ia hanya boleh diganti oleh kakitangan perkhidmatan yang berkelayakan yang diluluskan oleh pengeluar kerana peralatan khas diperlukan.




**AMARAN**

Pastikan palam dan kord kuasa tidak rosak sebelum digunakan. Jika anda mempunyai sebarang sebab untuk mencabut palam teracu dari perkakas ini, serta-merta keluarkan fius dan buang palam tersebut.
Jangan sambungkan palam pada soket utama dalam apa-apa keadaan kerana terdapat bahaya kejutan elektrik.

**AMARAN**


LITAR : Ketuhar gelombang mikro anda harus dikendalikan pada litar yang berasingan daripada peralatan lain. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan pemutus litar memutuskan kuasa, fius meletup atau makanan dimasak dengan lebih perlahan.

# Pemasangan

## Apa yang terkandung

Pastikan semua bahagian dan aksesori terkandung dalam bungkusan produk. Jika anda menghadapi masalah dengan ketuhar dan aksesori, hubungi pusat pelanggan Samsung tempatan atau peruncit.


### Ketuhar sepintas lalu




| | | |
|---|---|---|
| **01** Panel kawalan | **02** Kunci Pintu Keselamatan | **03** Pemegang Pintu |
| **04** Pintu | | |

## Aksesori

Ketuhar datang dengan aksesori berbeza yang membantu anda menyediakan jenis makanan berbeza.




# Pemasangan

| | |
|---|---|
| Gelang roda | Letakkan di tengah-tengah tapak. Ia menyokong piring putar. |
| Piring putar | Letakkan di atas gelang roda dengan bahagian tengahnya terpasang pada penggandin‌g. Ia berfungsi sebagai tapak memasak. |
| Rak | Gunakan salah satu rak ini mengikut kesesuaian untuk memasak dua hidangan serentak. Pinggan lebih kecil di atas piring putar dan satu lagi di atas rak yang dipilih. Anda boleh menggunakan rak-rak ini dengan Perolakan Gril atau Memasak Kombinasi.<br>**NOTA**<br>Jangan gunakan rak dawai untuk mod Gelombang Mikro. |
| Pinggan kerak | Letakkan di atas piring putar. Gunakan ini untuk memerangkan makanan atau untuk mengekalkan kerangupan pastri atau piza. |
| Pengukus Pro | Pengukus Pro ialah satu set penutup keluli tahan karat, dulang stim dan pinggan kerak yang direka untuk memasak stim. Gunakan ini untuk memerangkan makanan seperti doh pastri dan piza dengan mod Gelombang Mikro atau Perolakan Gril. |

**NOTA**

- Jangan kendalikan ketuhar tanpa piring putar di atas gelang roda.


## Tapak pemasangan




**01** 85 sm dari lantai
**02** 10 sm dari dinding belakang
**03** 10 sm dari sisi
**04** 20 sm dari atas

- Pilih permukaan yang datar dan rata kira-kira 85 sm di atas lantai. Permukaan mesti menyokong berat ketuhar.
- Sediakan ruang untuk pengudaraan, sekurang-kurangnya 10 sm dari dinding belakang dan kedua-dua sisi dan 20 sm dari atas.
- Jangan pasang ketuhar dalam persekitaran yang panas atau lembap seperti di sebelah ketuhar gelombang mikro yang lain atau penyinar.
- Patuhi spesifikasi bekalan kuasa ketuhar ini. Gunakan kabel sambungan yang diluluskan sahaja jika anda perlu menggunakannya.
- Lap bahagian dalam dan kedap pintu dengan kain yang lembap sebelum menggunakan ketuhar anda buat pertama kali.

## Piring putar



Keluarkan semua bahan pembungkusan dari ketuhar. Pasang gelang roda dan piring putar. Pastikan piring putar berputar dengan bebas.

# Penyenggaraan


## Pembersihan

Bersihkan ketuhar dengan kerap untuk mencegah kekotoran daripada terkumpul pada atau dalam ketuhar. Beri perhatian khusus juga kepada pintu, pengedap pintu dan piring putar serta gelang roda (model berkenaan sahaja).
Jika pintu tidak dapat dibuka atau ditutup dengan lancar, periksa terlebih dahulu sama ada terdapat kekotoran yang terkumpul pada kedap pintu.
Gunakan kain lembut dalam air bersabun untuk membersihkan kedua-dua bahagian dalam dan luar ketuhar. Bilas dan keringkan.

### Untuk membuang kekotoran degil yang berbau busuk dari dalam ketuhar

1. Dengan ketuhar yang kosong, letakkan secawan jus lemon yang dicampurkan dengan air di tengah-tengah piring putar.
2. Panaskan ketuhar selama 10 minit pada kuasa maksimum.
3. Apabila kitaran lengkap, tunggu sehingga ketuhar menyejuk. Kemudian, buka pintu dan bersih ruang memasak.

### Untuk membersihkan dalaman model pemanas berubah-ubah




Untuk membersihkan kawasan atas ruang memasak, rendahkan elemen pemanas atas dengan 45 ° (A) seperti yang ditunjukkan. Ini akan membantu membersihkan kawasan atas.
Apabila selesai, posisi semula elemen pemanasan atas.

### ⚠ AWAS

- Pastikan pintu dan kedap pintu bersih dan memastikan pintu dibuka dan ditutup dengan lancar. Jika tidak, kitar hayat ketuhar mungkin semakin pendek.
- Berhati-hati agar tidak menumpahkan air ke dalam lubang pengudaraan ketuhar.
- Jangan gunakan sebarang pelelas atau bahan kimia untuk pembersihan.
- Selepas setiap kali ketuhar digunakan, gunakan bahan cuci yang tidak begitu kuat untuk membersihkan ruang memasak selepas menunggu ketuhar menyejuk.

## Penggantian (pembaikan)

### ⚠ AMARAN

Tiada bahagian boleh ditanggalkan pengguna di dalam ketuhar ini. Jangan cuba untuk menggantikan atau membaiki ketuhar sendiri.

- Jika anda menghadapi masalah dengan engsel, pengedap dan/atau pintu, hubungi juruteknik berkelayakan atau pusat servis Samsung tempatan untuk bantuan teknikal.
- Jika anda mahu menggantikan mentol lampu, hubungi pusat servis Samsung tempatan. Jangan menggantinya sendiri.
- Jika anda menghadapi masalah dengan perumah luar ketuhar, cabut palam kord kuasa terlebih dahulu dari sumber kuasa dan kemudian hubungi pusat servis Samsung tempatan.

## Penjagaan terhadap tempoh tidak digunakan yang lama


- Jika anda tidak menggunakan ketuhar untuk tempoh masa yang lama, cabut palam kord kuasa dan pindahkan ketuhar ke lokasi yang kering dan tidak berhabuk. Habuk dan lembapan yang terkumpul dalam ketuhar boleh menjejaskan prestasi ketuhar.

# Sebelum anda bermula


Terdapat beberapa komponen yang patut anda tahu sebelum melihat resipi. Sebelum atau semasa sebarang mod memasak, anda boleh menetapkan/mengubah jam atau pemasa dapur mengikut keperluan anda.

## Jam


Adalah penting untuk menetapkan masa jam dengan betul untuk memastikan operasi automatik yang betul.




1. Hidupkan ketuhar dan tunggu beberapa saat untuk memasuki keadaan Tunggu Sedia. Elemen jam berkelip.




2. Gunakan butang anak panah untuk menetapkan jam dan kemudian tekan **OK**. Elemen minit berkelip.




3. Gunakan butang anak panah untuk menetapkan minit dan kemudian tekan **OK**.

**NOTA**

- Untuk mengubah masa semasa kemudian, tekan butang anak panah ke atas (^) selama 3 saat dan ikuti langkah di atas.
- Masa jam tidak boleh diubah semasa operasi.

Sebelum anda bermula

## Mematikan/Menghidupkan Bunyi

Anda boleh menghidupkan atau mematikan nada kekunci, bip atau penggera. Tetapan ini tersedia hanya dalam keadaan Tunggu Sedia (apabila masa semasa dipaparkan).





Untuk meredamkan bunyi, tekan butang ∨ selama 3 saat. “OFF (MATI)” kelihatan pada paparan.




Untuk menyahredamkan bunyi, tekan butang ∨ selama 3 saat. “ON (HIDUP)” kelihatan pada paparan.

## Penjimatan kuasa



Untuk mengurangkan penggunaan kuasa, tekan ⏻ selama 1 saat. Tetapan ini tersedia hanya dalam keadaan Tunggu Sedia (apabila masa semasa dipaparkan).


**NOTA**

- Apabila menetapkan ketuhar selepas 5 minit pengguna tidak aktif, ketuhar membatalkan sebarang operasi yang sedang berjalan dan memasuki keadaan Tunggu Sedia.
- Jika ketuhar dijeda melebihi 25 minit semasa memasak, ketuhar memasuki keadaan Tunggu Sedia.

# Sebelum anda bermula

## Mengenai tenaga gelombang mikro

Gelombang mikro adalah gelombang elektromagnetik berfrekuensi tinggi. Ketuhar menggunakan magnetron prabina untuk menjana gelombang mikro yang digunakan untuk memasak atau memanaskan makanan tanpa mengubah bentuk atau mengubah warna makanan.



1. Gelombang mikro yang dihasilkan oleh magnetron diedarkan secara seragam melalui sistem pengedaran berpusar. Sebab inilah makanan dimasak sama rata.
2. Gelombang mikro diserap ke dalam makanan sehingga kira-kira sedalam 2.5 sm. Kemudian, gelombang mikro dilesapkan dalam makanan sambil proses memasak berterusan.
3. Masa memasak dipengaruhi oleh keadaan makanan yang berikut.
   - Kuantiti dan ketumpatan
   - Kandungan lembapan
   - Suhu awal (terutamanya, apabila beku)



**NOTA**

Makanan yang telah dimasak menyimpan haba dalam terasnya selepas proses memasak selesai. Sebab inilah anda mesti mematuhi masa biar yang dinyatakan dalam manual ini, yang memastikan pemasakan secara rata hingga ke teras.

## Alat memasak untuk gelombang mikro

Alat memasak yang digunakan untuk Mod Gelombang Mikro mesti membenarkan gelombang mikro untuk lalu dan menembusi makanan. Logam seperti keluli tahan karat, aluminium dan tembaga memantul gelombang mikro. Oleh itu, jangan gunakan alat memasak yang diperbuat daripada bahan logam. Alat memasak yang bertanda "selamat untuk digunakan dengan gelombang mikro" sentiasa selamat untuk digunakan. Untuk maklumat tambahan mengenai alat memasak bersesuaian, rujuk panduan berikut dan letakkan segelas air atau sedikit makanan di atas piring putar.

Keperluan:

- Bahagian bawah yang rata dan bahagian tepi yang lurus
- Penutup yang ketat
- Kuali yang seimbang dengan pemegang yang beratnya kurang daripada kuali utama

| Bahan | | Selamat untuk digunakan dengan Gelombang Mikro | Keterangan |
|---|---|---|---|
| Kerajang aluminium | | △ | Gunakan untuk saiz hidangan kecil untuk melindungi daripada terlampau masak. Pengarkaan boleh berlaku jika kerajang hampir dengan dinding ketuhar atau jika menggunakan jumlah kerajang yang berlebihan. |
| Pinggan kerak | | ○ | Jangan gunakan untuk prapemanasan lebih daripada 8 minit. |
| Tembikar china atau perkakas tanah liat | | ○ | Tembikar, perkakas tanah liat yang diglis dan tembikar china biasanya selamat gelombang mikro, kecuali dihiasi dengan perapi logam. |
| Bekas kadbod poliester pakai buang | | ○ | Sesetengah makanan sejuk beku dibungkus dalam bekas-bekas ini. |
| Bungkusan makanan segera | Bekas atau cawan polistirena | ○ | Pemanasan yang terlampau boleh menyebabkan ia cair. |
| | Beg kertas atau surat khabar | ✕ | Ia boleh terbakar. |
| | Kertas kitar semula atau perapi logam | ✕ | Ia boleh menyebabkan pengarkaan |

# Sebelum anda bermula


| Bahan | | Selamat untuk digunakan dengan Gelombang Mikro | Keterangan |
|---|---|---|---|
| Perkakas kaca | Perkakas dari ketuhar ke meja | ○ | Selamat gelombang mikro kecuali dihiasi dengan perapi logam. |
| | Perkakas kaca halus | ○ | Perkakas kaca yang halus boleh pecah atau retak oleh pemanasan yang pantas. |
| | Balang kaca | ○ | Sesuai untuk menghangatkan sahaja. Tanggalkan penutup sebelum memasak. |
| Logam | Bekas | ✕ | Ia boleh menyebabkan pengarkaan atau kebakaran. |
| | Beg penyejuk beku dengan ikat pintal | ✕ | |
| Kertas | Pinggan, cawan, napkin dan kertas dapur | ○ | Gunakan untuk memasak untuk jangka masa yang singkat. Ia menyerap lembapan berlebihan. |
| | Kertas kitar semula | ✕ | Menyebabkan pengarkaan. |
| Plastik | Bekas | ○ | Gunakan bekas termoplastik sahaja. Sesetengah plastik boleh meleding atau berubah warna pada suhu yang tinggi. |
| | Plastik lekap | ○ | Gunakan untuk mengekalkan lembapan selepas memasak. |
| | Beg penyejuk beku | △ | Gunakan beg boleh direbus atau kalis ketuhar sahaja. |
| Kertas lilin atau kertas minyak | | ○ | Gunakan untuk mengekalkan lembapan dan mencegah percikan. |

○ : Selamat gelombang mikro △ : Berhati-hati ✕ : Tidak selamat gelombang mikro

# Operasi

## Panel kawalan

Panel hadapan datang dalam pelbagai bahan dan warna. Untuk kualiti yang ditambah baik, rupa sebenar ketuhar tertakluk pada perubahan tanpa notis.




| | |
|---|---|
| **01** Kuasa | Tekan untuk menghidupkan/mematikan ketuhar. |
| **02** Panel ciri | Tekan untuk memilih mod atau fungsi memasak yang dikehendaki. |
| **03** Paparan | Menunjukkan maklumat fungsi atau tetapan yang dipilih. |
| **04** Naik / Turun | Gunakan untuk melaraskan nilai tetapan bagi pilihan anda. |
| **05** OK | Tekan untuk mengesahkan tetapan anda. |
| **06** Undur | Tekan untuk kembali ke tetapan lalai. |
| **07** Suhu/Aras Kuasa | Gunakan untuk mengubah suhu dan aras kuasa. |
| **08** Piring putar | Tekan untuk menghidupkan atau mematikan piring putar. |
| **09** Mula | Tekan untuk mula memasak. Butang ini juga digunakan untuk prapanas pantas ketuhar pada aras kuasa maksimum. |
| **10** Henti | Tekan untuk menghentikan operasi. Butang ini juga digunakan untuk membatalkan mod semasa. |
| **11** Kunci kanak-kanak | Tekan dan tahan selama 3 saat untuk mengaktifkan atau menyahaktifkan. Kunci kanak-kanak tersedia hanya dalam keadaan Tunggu Sedia. |

**NOTA**

- Keadaan Tunggu Sedia: Selepas 5 minit tidak aktif dalam panel kawalan, ketuhar memasuki keadaan Tunggu Sedia di mana hanya masa semasa dipaparkan. Selepas 25 minit lagi tidak aktif, ketuhar memasuki keadaan Henti.
- Keadaan Henti: Apabila memulakan semula ketuhar selepas mematikan kuasa, hanya butang berkaitan dengan tindakan akhir pengguna menyala. Untuk menukar kepada keadaan Tunggu Sedia, tekan **Kuasa** sekali lagi.

# Operasi

Gambaran keseluruhan ciri

| Ciri | | | Julat suhu | Suhu lalai | Masa maks. |
|---|---|---|---|---|---|
| Mod manual | | Semburan Panas | 160-230 °C | 200 °C | 60 min. |
| | | | Semburan Panas serupa dengan mod Perolakan. Bagaimanapun, elemen pemanasan menjana haba yang lebih panas dengan menyebarkan arus udara yang lebih kuat di dalam ketuhar. Ini direka bentuk untuk memasak lebih pantas sambil mengekalkan dan memperbaiki rasa. | | |
| | | Perolakan | 40-230 °C | 180 °C | 60 min. |
| | | | Elemen pemanasan menjana haba, yang disebarkan sama rata di dalam ketuhar oleh kipas perolakan. Gunakan mod ini untuk makanan sejuk beku atau membakar. | | |
| | | Kombo Perolakan | 40-200 °C<br>100-450 W | 180 °C<br>450 W | 60 min. |
| | | | Elemen pemanasan menjana haba dan kipas perolakan menyebarkan haba di dalam ketuhar, yang diperkuat oleh tenaga gelombang mikro. | | |
| | | Gelombang mikro | 100-900 W | 900 W | 90 min. |
| | | | Tenaga gelombang mikro membolehkan makanan dimasak atau dipanaskan semula tanpa mengubah bentuk atau warna. | | |
| | | Gril | 180 °C | 180 °C | 60 min. |
| | | | Gunakan ini untuk menggril makanan seperti daging. | | |
| | | Kombo Gril | 180 °C<br>100-600 W | 180 °C<br>600 W | 60 min. |
| | | | Elemen pemanasan menjana haba, yang diperkuat oleh tenaga gelombang mikro. | | |

| Ciri | | | Julat suhu | Suhu lalai | Masa maks. |
|---|---|---|---|---|---|
| Mod auto | | Auto Semburan Panas | Untuk membantu pengguna mod Semburan Panas kali pertama, ketuhar menawarkan 10 program auto. | | |
| | | Auto | Untuk orang baru belajar memasak, ketuhar menawarkan sejumlah 25 program memasak auto. | | |
| | | Mencair Beku Kuasa | Ketuhar menawarkan 5 program mencair beku untuk kemudahan anda. | | |
| Fungsi khas | | Kekal Panas | 50-80 ℃ | 60 ℃ | 3 jam |
| | | | Gunakan ini hanya untuk mengekalkan kehangatan makanan yang baru sahaja dimasak. | | |

Operasi




MC35J8088LT_SM_DE68-04321K-01_MS.indd 27 2015-04-24 3:47:22

# Operasi

## Mod manual

Langkah 1. Pilih mod




Pada panel ciri, tekan mod manual., sebagai contoh, Perolakan. Suhu lalai (atau aras kuasa) berkelip.

Langkah 2. Tetapkan suhu atau aras Kuasa




Gunakan butang ∧ / ∨ untuk melaraskan suhu lalai (atau aras kuasa). Apabila selesai, tekan **OK** untuk beralih kepada elemen masa.



**NOTA**

Aras kuasa, kecuali dinyatakan sebaliknya, dilaraskan mengikut suhu yang ditetapkan.
Jika aras kuasa atau suhu tidak ditentukan dalam masa 5 saat, ketuhar beralih kepada sesi masa memasak.

Langkah 3. Tetapkan masa memasak





Gunakan butang ∧ / ∨ untuk menetapkan masa memasak.
Apabila selesai, tekan **MULA** (START).



**NOTA**

Anda boleh menetapkan masa memasak selepas prapemanasan.

Langkah 4. Prapanas





Ketuhar memulakan prapemanasan sehingga ia mencapai suhu yang ditetapkan. Apabila selesai, ketuhar berbunyi bip dan penunjuk hilang.

⚠ **AWAS**

- Sentiasa gunakan sarung tangan ketuhar semasa mengeluarkan makanan.
- Ketuhar gelombang mikro mungkin beroperasi selama 5 minit untuk disejukkan apabila suhu rongga ketuhar panas selepas memasak. ✳ akan dipaparkan.

Untuk mengubah masa memasak semasa memasak




Gunakan butang ∧ / ∨ untuk melaraskan masa memasak. Perubahan anda akan digunakan serta-merta dan ketuhar meneruskan proses memasak dengan tetapan baharu.

Untuk mengubah suhu atau aras kuasa semasak memasak




1. Tekan W. Elemen suhu (atau aras kuasa) berkelip.




2. Gunakan butang ∧ / ∨ untuk melaraskan suhu (atau aras kuasa) dan kemudian tekan **OK** atau W untuk mengesahkan perubahan.

Untuk menghentikan operasi




Tekan **Henti** (STOP) sekali untuk menghentikan operasi atau dua kali untuk membatalkan mod semasa dan memasuki keadaan Tunggu Sedia.






MC35J8088LT_SM_DE68-04321K-01_MS.indd 29 2015-04-24 3:47:40


### Semburan Panas

Semburan Panas serupa dengan mod Perolakan. Bagaimanapun, elemen pemanasan menjana haba yang lebih panas dengan menyebarkan arus udara yang lebih kuat di dalam ketuhar. Ini direka bentuk untuk memasak lebih pantas sambil mengekalkan dan memperbaiki rasa. Anda boleh menggunakan rak Rendah atau kombinasi rak Rendah dan pinggan Kerak di atas piring putar.

| Langkah 1 | | Langkah 2 | | Langkah 3 | | Langkah 4 |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Semburan Panas | > | Suhu | > | Masa memasak | > | Prapemanasan |



1. Letakkan rak Rendah atau kombinasi rak Rendah dan pinggan Kerak di atas piring putar.



2. Letakkan makanan dalam alat memasak yang sesuai, kemudian di atas rak dan kemudian tutup pintu.
3. Ikuti langkah 1-4 dalam Mod manual di halaman 28.
4. Apabila memasak selesai, “0:00” berkelip. Gunakan sarung tangan ketuhar untuk mengeluarkan makanan.


**AWAS**

Jangan gunakan mod ini untuk membakar roti atau memasak konfeksi. Haba yang lebih kuat boleh membakar bahagian atas makanan.


### Perolakan

Elemen pemanasan menjana haba, yang disebarkan sama rata di dalam ketuhar oleh kipas perolakan. Anda boleh menggunakan rak Rendah atau kombinasi rak Rendah dan pinggan Kerak di atas piring putar. Gunakan mod ini untuk biskut, skon, rol dan kek serta kek buah, choux dan souffle.

| Langkah 1 | | Langkah 2 | | Langkah 3 | | Langkah 4 |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Perolakan | > | Suhu | > | Masa memasak | > | Prapemanasan |



1. Letakkan rak Rendah atau kombinasi rak Rendah dan pinggan Kerak di atas piring putar.




2. Letakkan makanan dalam alat memasak yang sesuai, kemudian di atas rak dan kemudian tutup pintu.
3. Ikuti langkah 1-4 dalam Mod manual di halaman 28.
4. Apabila memasak selesai, “0:00” berkelip. Gunakan sarung tangan ketuhar untuk mengeluarkan makanan.


# Operasi

## Kombo Perolakan


Mod kombinasi ini menggabungkan tenaga gelombang mikro dengan udara panas, mengakibatkan masa memasak dikurangkan dan menghasilkan permukaan makanan yang perang dan rangup. Gunakan ini untuk semua jenis daging dan ayam itik serta kaserol dan hidangan gratin, kek span dan kek buah ringan, pai dan repui, sayur panggang, skon dan roti.

| Langkah 1 | | Langkah 2 | | Langkah 3 | | Langkah 4 |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Kombo Perolakan | > | Suhu dan aras Kuasa | > | Masa memasak | > | Prapemanasan |





1. Letakkan rak Rendah atau kombinasi rak Rendah dan pinggan Kerak di atas piring putar.



2. Letakkan makanan dalam alat memasak yang sesuai, kemudian di atas rak dan kemudian tutup pintu.
3. Ikuti langkah 1-4 dalam Mod manual di halaman 28.
4. Apabila memasak selesai, “0:00” berkelip. Gunakan sarung tangan ketuhar untuk mengeluarkan makanan.

**AWAS**


Gunakan alat memasak tahan ketuhar sahaja, seperti kaca, tembikar atau tembikar china tanpa perapi logam.

### Gelombang mikro

Gelombang mikro adalah gelombang elektromagnetik berfrekuensi tinggi. Tenaga gelombang mikro membolehkan makanan dimasak atau dipanaskan semula tanpa mengubah bentuk atau warna.

- Gunakan alat memasak selamat gelombang mikro sahaja.

| Langkah 1 | | Langkah 2 | | Langkah 3 | | Langkah 4 |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Gelombang mikro | > | Aras kuasa | > | Masa memasak | > | - |



1. Letakkan makanan dalam bekas selamat gelombang mikro, kemudian di tengah-tengah piring putar. Tutup pintu ketuhar.
2. Ikuti langkah 1-3 dalam Mod manual di halaman 28.
3. Apabila memasak selesai, “0:00” berkelip. Gunakan sarung tangan ketuhar untuk mengeluarkan makanan.

**Permulaan mudah**

Untuk hanya memanaskan makanan untuk jangka masa yang singkat pada kuasa maksimum (900 W), pilih Gelombang Mikro, dan kemudian tekan **MULA** (START).

Aras kuasa

| Paras | Peratusan (%) | Kuasa Output (W) | Keterangan |
|---|---|---|---|
| TINGGI | 100 | 900 | Gunakan untuk memanaskan cecair. |
| RENDAH TINGGI | 83 | 750 | Gunakan untuk memanaskan dan memasak. |
| TINGGI SEDERHANA | 67 | 600 | |
| SEDERHANA | 50 | 450 | Gunakan untuk memasak daging dan memanaskan sayuran. |
| RENDAH SEDERHANA | 33 | 300 | |
| MENCAIR BEKU | 20 | 180 | Gunakan untuk mencair beku sebelum memasak. |
| RENDAH | 11 | 100 | Gunakan untuk mencair beku sayuran. |


# Operasi

## Gril

Elemen pemanasan menjana haba. Pasti ia berada dalam kedudukan mendatar.

| Langkah 1 | | Langkah 2 | | Langkah 3 | | Langkah 4 |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Gril | > | - | > | Masa memasak | > | - |

1. Letakkan rak Tinggi atau kombinasi rak Tinggi dan pinggan Kerak di atas piring putar.




2. Letakkan makanan dalam alat memasak yang sesuai, kemudian di atas rak dan kemudian tutup pintu.
3. Ikuti langkah 1 dan 3 dalam Mod manual di halaman 28.
4. Apabila memasak selesai, “0:00” berkelip. Gunakan sarung tangan ketuhar untuk mengeluarkan makanan.

## Kombo Gril

Elemen pemanasan menjana haba, yang diperkuat oleh tenaga gelombang mikro. Gunakan alat memasak selamat gelombang mikro sahaja, seperti kaca atau alat memasak seramik.

| Langkah 1 | | Langkah 2 | | Langkah 3 | | Langkah 4 |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Kombo Gril | > | Aras kuasa | > | Masa memasak | > | - |

1. Letakkan rak Tinggi atau kombinasi rak Tinggi dan pinggan Kerak di atas piring putar.




2. Letakkan makanan dalam alat memasak yang sesuai, kemudian di atas rak dan kemudian tutup pintu.
3. Ikuti langkah 1-3 dalam Mod manual di halaman 28.
4. Apabila memasak selesai, “0:00” berkelip. Gunakan sarung tangan ketuhar untuk mengeluarkan makanan.

## Mod auto

Ketuhar menawarkan 3 program auto untuk kemudahan anda: Auto Semburan Panas, Memasak Auto dan Mencair Beku Kuasa. Pilih salah satu yang paling sesuai dengan keperluan anda.

Langkah 1. Pilih mod




Pada panel ciri, tekan mod auto, sebagai contoh, Auto Semburan Panas. Nombor program lalai berkelip.

Langkah 2. Pilih program




Gunakan butang ∧ / ∨ untuk memilih program pilihan dan kemudian tekan **OK**. Berat lalai untuk program berkelip.

Langkah 3. Tetapkan saiz atau berat hidangan




Gunakan butang ∧ / ∨ untuk menambah saiz (atau berat) hidangan. Apabila selesai, tekan **MULA** ().

**AWAS**

Sentiasa gunakan sarung tangan ketuhar semasa mengeluarkan makanan.


**NOTA**


Masa memasak dipraprogramkan mengikut mod auto, yang tidak boleh diubah.

# Operasi

### Auto Semburan Panas

Semburan Panas serupa dengan mod Perolakan. Bagaimanapun, elemen pemanasan menjana haba yang lebih panas dengan menyebarkan arus udara yang lebih kuat di dalam ketuhar. Ini direka bentuk untuk memasak lebih pantas sambil mengekalkan dan memperbaiki rasa.
Untuk membantu pengguna mod Semburan Panas kali pertama, ketuhar menawarkan 10 program auto.

| Langkah 1 | | Langkah 2 | | Langkah 3 |
|---|---|---|---|---|
| Auto Semburan Panas  | > | 1 hingga 10 | > | Saiz hidangan |



1. Letakkan makanan dalam alat memasak yang sesuai, kemudian di atas piring putar dan kemudian tutup pintu.
2. Ikuti langkah 1-3 dalam Mod auto di halaman 35.
3. Apabila memasak selesai, “0:00” berkelip. Gunakan sarung tangan ketuhar untuk mengeluarkan makanan.


**AWAS**

Jangan gunakan mod ini untuk membakar roti atau memasak konfeksi. Haba yang lebih kuat boleh membakar bahagian atas makanan.

### Memasak Auto

Untuk orang baru belajar memasak, ketuhar menawarkan sejumlah 25 program memasak auto. Gunakan kelebihan ciri ini untuk menjimatkan masa anda tau memendekkan keluk pembelajaran anda. Masa memasak dan suhu akan dilaraskan mengikut resipi yang dipilih.

| Langkah 1 | | Langkah 2 | | Langkah 3 |
|---|---|---|---|---|
| Auto | > | 1 hingga 25 | > | Saiz hidangan |




1. Letakkan makanan dalam alat memasak yang sesuai, kemudian di atas piring putar dan kemudian tutup pintu.
2. Ikuti langkah 1-3 dalam Mod auto di halaman 35.
3. Apabila memasak selesai, “0:00” berkelip. Gunakan sarung tangan ketuhar untuk mengeluarkan makanan.

Mencair Beku Kuasa

Ketuhar menawarkan 5 program mencair beku untuk kemudahan anda. Masa dan aras kuasa dilaraskan secara automatik mengikut program yang dipilih.

| Langkah 1 | | Langkah 2 | | Langkah 3 |
|---|---|---|---|---|
| Mencair Beku Kuasa | > | 1 hingga 5 | > | berat |



1. Letakkan makanan dalam alat memasak yang sesuai, kemudian di atas piring putar dan kemudian tutup pintu.
2. Ikuti langkah 1-3 dalam Mod auto di halaman 35.
3. Apabila memasak selesai, “0:00” berkelip. Gunakan sarung tangan ketuhar untuk mengeluarkan makanan.

## Fungsi khas

Kekal Panas

Dengan fungsi ini, hanya elemen pemanasan perolakan beroperasi dan ia berkitar dan juga mati untuk mengekalkan kehangatan makanan.

Apabila memasak selesai,







1. Pada panel ciri, tekan . Suhu lalai (60 °C) berkelip.




2. Gunakan butang ∧ / ∨ untuk melaraskan suhu dan kemudian tekan **OK** untuk beralih kepada elemen masa.




3. Gunakan butang ∧ / ∨ untuk menetapkan masa dan kemudian tekan **MULA** (). Ketuhar akan mula memanaskan.

Operasi



MC35J8088LT_SM_DE68-04321K-01_MS.indd 37 2015-04-24 3:48:22

⚠ **AWAS**

- Sentiasa gunakan sarung tangan ketuhar semasa mengeluarkan makanan.
- Jangan gunakan fungsi ini untuk memanaskan semula makanan sejuk. Gunakan ini hanya untuk mengekalkan kehangatan makanan yang baru sahaja dimasak.
- Jangan jalankan fungsi ini lebih daripada 3 jam. Jika tidak, ini akan menjejaskan kualiti makanan.
- Untuk mengekalkan kerangupan makanan, jangan tutup makanan dengan Kekal Panas.

**NOTA**

Untuk mengubah suhu semasa kitaran, tekan  dan ulangi langkah 2 di atas.

Panduan Kekal Panas

| Makanan | Suhu (°C) | Masa biar (min.) | Arahan |
|---|---|---|---|
| Hidangan | 80 | 30 | Untuk mengekalkan kehangatan daging, ayam, gratin, piza, kentang dan hidangan dalam pinggan. |
| Minuman | 80 | 30 | Untuk mengekalkan kehangatan air, susu dan kopi. |
| Roti/pastri | 60 | 30 | Untuk mengekalkan kehangatan roti, roti bakar, rol, mufin dan kek. |
| Pinggan mangkuk | 70 | 30 | Untuk prapemanasan pinggan mangkuk. Susun pinggan mangkuk ke atas pinggan putar. Jangan membebankan. (muatan maksimum: 7 kg) |

# Memasak Pintar

## Memasak Automatik

**Panduan Auto Semburan Panas**

| Makanan | | Saiz hidangan (g) | Arahan |
|---|---|---|---|
| H1 | Pan Pizza Sejuk Beku | 400-450 | Keluarkan bungkusan dan letakkan Piza di atas rak rendah. Letakkan di dalam ketuhar. Selepas memasak, biarkan selama 2-3 minit. |
| H2 | Piza Buatan Sendiri | 500-550 | Bahan-bahan<br>• Doh piza (200-220 g)<br>150 g tepung roti putih yang kuat 3 g yis kering, 0.5 sudu besar minyak zaitun, 100 ml air suam, 0.5 sudu besar gula dan garam<br>• Hiasan atas<br>100 g Hirisan Sayuran, 100 g Puri tomato, 80-100 g keju Mozzarella parut<br>Kaedah<br>Masukkan tepung, yis, minyak, garam dan air suam ke dalam mangkuk dan campurkan hingga menjadi doh paling lembap. Uli doh dengan pengadun atau dengan tangan kira-kira 5-10 minit. Tutup dengan penutup dan biarkan ia mengembang selama 30 minit.<br>Canai ke dalam pinggan kerak. Selerakkan puri tomato di atas doh dan tambahkan sayuran. Taburkan keju sama rata di atasnya.<br>Letakkan ia di atas rak rendah. Selepas memasak, biarkan selama 2-3 minit. |

| Makanan | | Saiz hidangan (g) | Arahan |
|---|---|---|---|
| H3 | Lasagna Buatan Sendiri | 1000-1100 | Bahan-bahan<br>2 sudu besar minyak zaitun, 500 g daging lembu kisar, 100 g sos tomato, 100 ml stok daging lembu, 150 g kepingan lasagna kering, 1 bawang besar (dicencang)<br>1 sudu teh setiap emping pasli, oregano, selasih kering, 200 g keju mozzarella parut<br>Kaedah<br>Sos: Panaskan minyak dalam kuali leper, kemudian masak daging lembu kisar dan bawang besar yang dicencang selam kira-kira 10 minit sehingga semuanya kelihatan keperangan. Tuangkan sos tomato dan stok daging lembu ke atasnya, tambah herba kering. Panaskan sehingga mendidih, kemudian mereneh selama 10 minit.<br>Gunakan mi lasagna kering yang sudah dimasak.<br>Lapiskan mi, sos daging lembu dan keju kemudian ulangi.<br>Kemudian taburkan keju mozzarella yang tinggal sama rata di atas mi dan letakkannya di atas rak rendah. Selepas memasak, biarkan selama 2-3 minit. |
| H4 | Gratin Buatan Sendiri | 600-650<br>1200-1250 | Bahan-bahan (1200-1250 g)<br>800 g kentang, 100 ml susu, 100 ml krim, 50 g seluruh telur yang telah dipukul, 1 sudu teh setiap garam, lada, buah pala, 150 g keju mozzarella parut, mentega, taim<br>* Sekiranya 600-650 g, Gunakan separuh kuantiti.<br>Kaedah<br>Kupas kentang dan hiriskannya dengan ketebalan 3 mm. Sapukan mentega di seluruh permukaan pinggan gratin, kira-kira 18 x 28 sm. Selerakkan hirisan di atas tuala bersih dan biarkan ia ditutup dengan tuala sementara anda menyediakan bahan-bahan lain.<br>Campurkan bahan-bahan lain kecuali keju parut ke dalam mangkuk besar dan kacau rata.<br>Lapiskan hirisan kentang di dalam pinggan bertindih sedikit dan tuangkan campuran ke atas kentang.<br>Selerakkan keju parut di atasnya dan bakar. Letakkan ia di atas rak rendah. Selepas memasak, hidangkan dengan menabur beberapa daun taim yang segar. Selepas memasak, biarkan selama 2-3 minit. |

| Makanan | | Saiz hidangan (g) | Arahan |
|---|---|---|---|
| H5 | Kentang Goreng Sejuk Beku | 300-350<br>400-450 | Taburkan kentang goreng ketuhar sejuk beku sama rata di atas pinggan kerak. Letakkan pinggan di atas rak rendah. Selepas memasak, biarkan selama 2-3 minit. |
| H6 | (Buffalo Wings) Kepak Ayam Sejuk Beku | 400-450<br>500-550 | Letakkan (Buffalo Wings) Kepak Ayam Sejuk Beku (dipramasak dan berempah) di atas pinggan kerak. Letakkan pinggan kerak di atas rak tinggi. Letakkan ia di dalam ketuhar. Selepas memasak, biarkan selama 2-3 minit. |
| H7 | Kepingan Ayam Panggang | 500-600<br>900-1000 | Timbang berat kepingan ayam dan sapukan minyak dan rempah. Letakkan ia sama rata di atas rak tinggi. Apabila berbunyi bip, terbalikkan ayam dan tekan mula untuk meneruskan. Selepas memasak, biarkan selama 2-3 minit. |
| H8 | Ayam Panggang | 1200-1300 | Sapukan ayam dengan minyak dan rempah sepenuhnya. Letakkan bahagian dada di bawah terlebih dahulu, di tengah-tengah rak rendah. Apabila berbunyi bip, terbalikkan ayam menggunakan penyepit dan tekan mula untuk meneruskan. Selepas memasak, biarkan selama 2-3 minit. |
| H9 | Pai Stik Lembu | 500-600 | Bahan-bahan<br>200 g daging lembu, dipotong dadu, 1 sudu besar minyak zaitun, 1/2 bawang besar (dicencang), 80 g cendawan (dicencang), 1 sudu besar setiap pasli dan taim, dicencang, 1 sudu besar sos Worcestershire, garam dan lada, 2 sudu besar tepung, 100 ml stok daging lembu pedas,120 g doh pastri segera, 1 kuning telur (dipukul)<br>Kaedah<br>Taburkan tepung, garam dan lada ke atas daging lembu. Goreng ia dalam kuali leper dengan minyak, kacau secara kerap sehingga keperangan. Tambah bawang besar, cendawan, pasli, taim, sos Worcestershire dan stok daging lembu dan panggang. Selepas memanggang, kurangkan kepada mereneh selama sejam.<br>Tuangkan campuran isian pada pinggan ketuhar dan tutup dengan kepingan pastri pai dan tekan bahagian tepi bersama untuk mengedap. Hiaskan dengan perapian pastri menggunakan pisau dan garpu. Potong melintang di bahagian atas dan sapukan dengan telur kuning yang telah dipukul. Letakkan ia di atas rak rendah. Selepas memasak, biarkan selama 2-3 minit. |

# Memasak Pintar

| Makanan | | Saiz hidangan (g) | Arahan |
|---|---|---|---|
| H10 | Quiche Mini Buatan Sendiri | 400-500 | Bahan-bahan<br>• Pastri<br>200 g tepung gandum, 80 g mentega, 1 telur<br>• Campuran<br>30 g dendeng babi, dipotong dadu, 60 g Krim, 60 g fraiche Krim, 2 telur, 40 g keju parut, garam dan lada<br>Kaedah<br>Untuk membuat pastri, masukkan tepung, mentega dan telur ke dalam mangkuk dan campurkan hingga menjadi pastri yang lembut dan kemudian biarkan ia dalam peti sejuk selama 30 minit. Canai pastri dan letakkan dalam tin logam yang telah disapu mentega (seperti acuan mufin untuk 6 quiche mini). Campurkan krim, dendeng babi yang dipotong dadu, fraiche krim, telur, keju, garam, lada dan tuangkan campuran ke dalam acuan. Letakkan ia di atas rak rendah. Selepas memasak, biarkan selama 5 minit. |

**Panduan memasak auto**

| Makanan | | Saiz hidangan (g) | Arahan |
|---|---|---|---|
| A1 | Lasagna Sejuk Beku | 400-450 | Letakkan lasagna sejuk beku ke dalam bekas tahan ketuhar yang saiznya bersesuaian. Letakkan pinggan di atas rak rendah. Selepas memasak, biarkan selama 3-4 min. |
| A2 | Piza Nipis Sejuk Beku | 300-350<br>400-450 | Letakkan piza sejuk beku di atas rak rendah. Selepas memasak, biarkan selama 1-2 min. |
| A3 | Hidangan Dalam Pinggan (3 komponen) | 300-350<br>400-450 | Letakkan di atas pinggan seramik dan tutup dengan plastik lekap gelombang mikro. Program ini sesuai untuk hidangan yang terdiri daripada 3 komponen (contohnya daging dengan sos, sayur dan hidangan sampingan seperti kentang, nasi atau pasta). Selepas memasak, biarkan selama 2-3 minit. |
| A4 | Hidangan Siap Sedia (1 komponen) | 300-350<br>400-450 | Letakkan di atas pinggan seramik dan tutup dengan plastik lekap gelombang mikro. Selepas memasak, biarkan selama 2-3 minit. |

| Makanan | | Saiz hidangan (g) | Arahan |
|---|---|---|---|
| A5 | Ikan Panggang | 300-400<br>500-600 | Sapukan kulit seekor ikan (trout atau dorada) dengan minyak dan tambahkan herba dan rempah. Letakkan ikan sebelah-menyebelah, kepala pada ekor di atas rak tinggi. Balikkan sebaik sahaja ketuhar berbunyi bip. Selepas memasak, biarkan selama 2-3 minit. |
| A6 | Daging Lembu Panggang | 800-1000<br>1200-1400 | Sapukan daging lembu dengan minyak dan rempahkan ia dengan lada dan garam. Letakkan ia di atas rak rendah, mula-mula dengan bahagian lemak di bawah. Selepas memasak, balut dengan kerajang aluminium dan biarkan selama 10-15 minit. |
| A7 | Daging Babi Panggang | 800-1000<br>1200-1400 | Sapukan daging babi dengan minyak dan rempahkan ia dengan lada dan garam. Letakkan ia di atas rak rendah, mula-mula dengan bahagian lemak di bawah. Selepas memasak, balut dengan kerajang aluminium dan biarkan selama 10-15 minit. |
| A8 | Dada Ayam Gril | 300-400<br>500-600 | Bilas dada ayam, perap dan letakkannya di atas rak tinggi. Balikkan sebaik sahaja ketuhar berbunyi bip. Selepas memasak, biarkan selama 2-3 minit. |
| A9 | Filet Salmon Gril | 300-400<br>500-600 | Sapukan filet salmon dengan minyak dan rempah. Susun stik ikan sama rata di atas rak tinggi. Balikkan sebaik sahaja ketuhar berbunyi bip. Selepas memasak, biarkan selama 2-3 minit. |
| A10 | Filet Ikan Gril | 500-600 | Sapukan filet ikan dengan minyak dan rempah. Susun filet ikan sama rata di atas rak tinggi. Balikkan sebaik sahaja ketuhar berbunyi bip. Selepas memasak, biarkan selama 2-3 minit. |
| A11 | Rol Roti Sejuk Beku | 400-500 | Letakkan rol roti sejuk beku di atas rak rendah. Selepas memasak, biarkan selama 1-2 minit. |
| A12 | Brownie | 700-750 | Masukkan pracampuran, telur, air, minyak bunga matahari ke dalam mangkuk dan gaul hingga sebati. Tuangkan campuran ke dalam dulang kaca di atas rak rendah. Selepas memasak, biarkan selama 10 minit. Sebagai pilihan, anda boleh memasukkan kacang ke dalam brownie. |

| Makanan | | Saiz hidangan (g) | Arahan |
|---|---|---|---|
| A13 | Sayuran Panggang | 200-250<br>300-350 | Hiriskan sayuran segar (cth. kepingan lada, bawang besar, hirisan courgette dan cendawan) dan sapukan minyak, rempah. Letakkan ia di atas pinggan kerak. Letakkan pinggan di atas rak tinggi. Selepas memasak, biarkan selama 2-3 minit. |
| A14 | Kroket Kentang Sejuk Beku | 300-350<br>400-450 | Susun kroket kentang sejuk beku sama rata di atas pinggan kerak. Letakkan pinggan di atas rak rendah. Selepas memasak, biarkan selama 2-3 minit. |
| A15 | Kentang Goreng Buatan Sendiri | 300-350<br>400-450 | Kupas dan potong batang dengan ketebalan 10x10 mm. Rendam di dalam air sejuk (selama 30 min.). Keringkan dengan tuala, timbang beratnya dan sapukan dengan 5 g minyak dan rempah. Susun kentang buatan sendiri sama rata di atas pinggan kerak. Letakkan pinggan di atas rak rendah. Selepas memasak, biarkan selama 2-3 minit. |
| A16 | Baji Kentang | 300-350<br>400-450 | Basuh kentang bersaiz biasa dan potong bentuk penyendal. Sapukan minyak zaitun dan rempah. Susun di atas pinggan kerak dengan permukaan potong di atas pinggan. Letakkan pinggan kerak di atas rak tinggi. Selepas memasak, biarkan selama 2-3 minit. |
| A17 | Gelang Bawang Sejuk Beku | 200-250<br>300-350 | Susun gelang bawang sejuk beku sama rata di atas pinggan kerak. Letakkan pinggan di atas rak rendah. Selepas memasak, biarkan selama 2-3 minit. |
| A18 | Udang Sejuk Beku | 300-350<br>400-450 | Susun udang sejuk beku sama rata di atas pinggan kerak. Letakkan pinggan di atas rak rendah. Selepas memasak, biarkan selama 2-3 minit. |
| A19 | Sotong Goreng Sejuk Beku | 200-250<br>300-350 | Susun sotong goreng sejuk beku sama rata di atas pinggan kerak. Letakkan pinggan di atas rak rendah. Selepas memasak, biarkan selama 2-3 minit. |
| A20 | Nuget Ayam Sejuk Beku | 300-350<br>400-450 | Susun nuget ayam sejuk beku sama rata di atas pinggan kerak. Letakkan pinggan kerak di atas rak tinggi. Selepas memasak, biarkan selama 2-3 minit. |

| Makanan | | Saiz hidangan (g) | Arahan |
|---|---|---|---|
| A21 | Doh Piza | 300-500 | Masukkan doh ke dalam mangkuk yang bersaiz sesuai dan letakkan di atas rak rendah. Tutup dengan kerajang aluminium. |
| A22 | Doh Kek | 500-800 | Masukkan doh ke dalam mangkuk yang bersaiz sesuai dan letakkan di atas rak rendah. Tutup dengan kerajang aluminium. |
| A23 | Doh Roti | 600-900 | Masukkan doh ke dalam mangkuk yang bersaiz sesuai dan letakkan di atas rak rendah. Tutup dengan kerajang aluminium. |
| A24 | Yogurt – Cawan Seramik Kecil | 500 | Tuang sama rata 150 g yogurt ke dalam 5 cawan seramik atau balang kaca yang kecil (30 g setiap satu). Tambah 100 ml susu ke dalam setiap cawan. Gunakan susu tahan lama (suhu bilik; 3.5 % lemak). Tutup setiap satu dengan plastik lekap dan susun membulat di atas pinggan putar. Selepas siap, biarkan 6 jam di dalam peti sejuk. Buat pertama kali, kami mengesyorkan anda menggunakan ragi yogurt kering. |
| A25 | Yogurt – Mangkuk Kaca Besar | 500 | Campurkan 150 g yogurt asli dengan 500 ml susu tahan lama (suhu bilik; 3,5 % lemak). Tuang sama rata ke dalam mangkuk kaca yang besar. Tutup dengan plastik lekap dan susun di atas pinggan putar. Selepas siap, biarkan 6 jam di dalam peti sejuk. Buat pertama kali, kami mengesyorkan anda menggunakan ragi yogurt kering. |




Piring putar tidak berputar semasa penapaian yogurt.

### Panduan Mencair Beku Kuasa

| Makanan | | Saiz hidangan (g) | Arahan |
|---|---|---|---|
| d1 | Daging | 200-1500 | Balut bahagian-bahagian tepi dengan kerajang aluminium. Balikkan daging apabila ketuhar berbunyi bip. Program ini hanya sesuai untuk daging lembu, kambing, babi, stik, potongan daging, daging kisar. Biarkan selama 20-60 minit. |
| d2 | Ayam Itik | 200-1500 | Balut bahagian kaki dan hujung kepak dengan kerajang aluminium. Balikkan ayam itik apabila ketuhar berbunyi bip. Program ini sesuai untuk seekor ayam dan juga kepingan-kepingan ayam. Biarkan selama 20-60 minit. |
| d3 | Ikan | 200-1500 | Balut bahagian ekor ikan dengan kerajang aluminium. Balikkan ikan apabila ketuhar berbunyi bip. Program ini sesuai untuk seekor ikan dan juga untuk filet ikan. Biarkan selama 20-50 minit. |
| d4 | Roti/ Kek | 100-1000 | Letakkan roti secara melintang di atas sehelai kertas dapur dan balikkan sebaik sahaja ketuhar berbunyi bip. Letakkan kek di atas pinggan seramik dan jika boleh, balikkan sebaik sahaja ketuhar berbunyi bip. (Ketuhar terus beroperasi dan berhenti apabila anda membuka pintunya.) Program ini sesuai untuk semua jenis roti, dalam bentuk kepingan atau sebuku, serta untuk roti rol dan baget. Atur roti rol dalam satu bulatan. Program ini sesuai untuk semua jenis kek ragi, biskut, kek keju dan pastri lapis. Ia tidak sesuai untuk pastri rapuh/kerak, kek buah dan krim, juga kek dengan hias atas coklat. Biarkan selama 10-30 minit. |
| d5 | Buah-Buahan | 100-600 | Susun buah-buah dengan rata di atas bekas kaca yang leper. Program ini sesuai untuk semua jenis buah-buahan. Biarkan selama 5-20 minit. |

## Memasak manual

**Panduan memasak gelombang mikro**

- Jangan gunakan logam dengan mod Gelombang Mikro. Sentiasa meletakkan bekas makanan di atas piring putar.
- Anda disyorkan menutup makanan untuk hasil yang terbaik.
- Selepas memasak selesai, biarkan makanan dalam stimnya sendiri.

Sayuran Sejuk Beku

- Gunakan bekas kaca Pyrex dengan penutup.
- Kacau sayuran dua kali semasa memasak dan sekali selepas memasak.
- Tambah perasa selepas memasak.

| Makanan | Saiz hidangan (g) | Kuasa (W) | Masa memasak (min.) | Masa biar (min.) |
|---|---|---|---|---|
| Bayam | 150 | 600 | 5-7 | 2-3 |
| | Tambahkan 15 ml (1 sudu besar) air sejuk. | | | |
| Brokoli | 300 | 600 | 8-10 | 2-3 |
| | Tambahkan 30 ml (2 sudu besar) air sejuk. | | | |
| Kacang Pis | 300 | 600 | 7-9 | 2-3 |
| | Tambahkan 15 ml (1 sudu besar) air sejuk. | | | |
| Kacang hijau | 300 | 600 | 7½-9½ | 2-3 |
| | Tambahkan 30 ml (2 sudu besar) air sejuk. | | | |
| Sayuran campur (lobak merah, pis, jagung) | 300 | 600 | 7-9 | 2-3 |
| | Tambahkan 15 ml (1 sudu besar) air sejuk. | | | |
| Sayuran campur (Gaya Cina) | 300 | 600 | 7½-9½ | 2-3 |
| | Tambahkan 15 ml (1 sudu besar) air sejuk. | | | |

# Memasak Pintar

Sayuran segar

- Gunakan bekas kaca Pyrex dengan penutup.
- Tambah 30-45 air sejuk untuk setiap 250 g.
- Kacau sekali semasa memasak dan sekali selepas memasak.
- Tambah perasa selepas memasak.
- Untuk memasak lebih cepat, anda disyorkan memotongnya kepada saiz yang sama dan lebih kecil.
- Masak semua sayuran segar menggunakan kuasa gelombang mikro sepenuhnya (900 W).

| Makanan | Saiz hidangan (g) | Masa memasak (min.) | Masa biar (min.) |
|---|---|---|---|
| Brokoli | 250<br>500 | 3-4<br>6-7 | 3 |
| | Sediakan bunga-bunga yang sama saiznya. Atur batangnya ke tengah | | |
| Kubis Brussel | 250 | 5-6 | 3 |
| | Tambahkan 60-75 ml (4-5 sudu besar) air. | | |
| Lobak Merah | 250 | 4-5 | 3 |
| | Potong lobak merah menjadi hirisan yang sama saiznya. | | |
| Kubis Bunga | 250<br>500 | 4-5<br>7-8 | 3 |
| | Sediakan bunga-bunga yang sama saiznya. Belah dua bunga yang besar. Atur batangnya ke tengah. | | |
| Courgette | 250 | 3-4 | 3 |
| | Potong courgette menjadi hirisan. Tambahkan 30 ml (2 sudu besar) air atau seketul mentega. Masak sehingga lembut. | | |
| Terung | 250 | 3-4 | 3 |
| | Potong terung menjadi kepingan kecil dan renjiskan 1 sudu besar jus lemon. | | |
| Lik | 250 | 3-4 | 3 |
| | Potong lik menjadi kepingan-kepingan yang tebal. | | |
| Cendawan | 125<br>250 | 1-2<br>2-3 | 3 |
| | Sediakan cendawan kecil yang tidak dipotong atau cendawan yang dihiris. Jangan tambahkan air. Renjiskan dengan jus lemon. Rempahkan dengan garam dan lada. Keringkan sebelum menghidangkan. | | |

| Makanan | Saiz hidangan (g) | Masa memasak (min.) | Masa biar (min.) |
|---|---|---|---|
| Bawang | 250 | 4-5 | 3 |
| | Hiris bawang atau potong dua. Tambahkan hanya 15 ml (1 sudu besar) air. | | |
| Lada | 250 | 4-5 | 3 |
| | Potong lada menjadi kepingan kecil. | | |
| Kentang | 250<br>500 | 4-5<br>7-8 | 3 |
| | Timbang kentang yang telah dikupas dan potong dua atau potong empat. | | |
| Kubis lobak putih | 250 | 5-6 | 3 |
| | Potong kubis lobak putih menjadi kiub-kiub kecil. | | |

Beras dan pasta

Kacau dari masa ke masa semasa dan selepas memasak.

Masa tanpa ditutup dan tutup penutup semasa pengenapan. Kemudian, keringkan air.

- Beras: Gunakan bekas kaca Pyrex yang besar dengan penutup kerana beras bertambah sekali ganda.
- Pasta: Gunakan bekas kaca Pyrex yang besar.

| Makanan | Saiz hidangan (g) | Kuasa (W) | Masa memasak (min.) | Masa biar (min.) | Arahan |
|---|---|---|---|---|---|
| Beras putih (direbus separuh empuk) | 250 | 900 | 16-18 | 5 | Tambahkan 500 ml air sejuk. |
| | 375 | | 18-20 | | Tambahkan 750 ml air sejuk. |
| Beras perang (direbus separuh empuk) | 250 | 900 | 22-23 | 5 | Tambahkan 500 ml air sejuk. |
| | 375 | | 24-25 | | Tambahkan 750 ml air sejuk. |
| Beras Campur (beras + beras liar) | 250 | 900 | 17-19 | 5 | Tambahkan 500 ml air sejuk. |
| Jagung Campur (beras + biji-bijian) | 250 | 900 | 19-20 | 5 | Tambahkan 400 ml air sejuk. |
| Pasta | 250 | 900 | 11-13 | 5 | Tambahkan 1000 ml air panas. |

# Memasak Pintar

Pemanasan semula

- Jangan panaskan semula makanan bersaiz besar seperti sepotong daging, yang mudah terlampau masak.
- Memanaskan semula makanan pada aras kuasa renda adalah lebih selamat.
- Kacau rata atau dibalik-balikkan semasa dan selepas memasak.
- Berhati-hari untuk cecair dan makanan bayi. Kacau rata sebelum, semasa dan selepas memasak dengan sudu plastik atau batang pengacau kaca untuk mencegah pendidihan meruap dan membuak-buak. Biarkan ia di dalam ketuhar gelombang mikro semasa masa biar. Benarkan masa pemanasan semula yang lebih lama daripada jenis makanan lain.
- Masa biar yang disyorkan selepas pemanasan semula ialah 2-4 minit. Lihat jadual di bawah sebagai rujukan.

Cecair

| Makanan | Saiz hidangan | Kuasa (W) | Masa memasak (min.) | Masa biar (min.) |
|---|---|---|---|---|
| Minuman (kopi, teh, air) | 250 ml (1 koleh)<br>500 ml (2 koleh) | 900 | 1½-2<br>3-3½ | 1-2 |
| | Tuangkan ke dalam koleh dan panaskan semula tanpa ditutup: 1 cawan di tengah-tengah, 2 cawan sebelah menyebelah. Biarkan di dalam ketuhar gelombang mikro semasa masa biar dan kacau rata. | | | |
| Sup (dingin) | 250 g<br>450 g | 900 | 3-4<br>4-5 | 2-3 |
| | Tuang ke dalam pinggan atau mangkuk seramik yang dalam. Tutup dengan penutup plastik. Kacau rata selepas memanaskan semula. Kacau sekali lagi sebelum menghidangkannya. | | | |
| Stew (dingin) | 450 g | 600 | 5½-6½ | 2-3 |
| | Letakkan stew ke dalam pinggan seramik yang dalam. Tutup dengan penutup plastik. Kacau sekali-sekala semasa memanaskan semula dan sekali lagi sebelum membiarkan dan menghidangkannya. | | | |
| Pasta dengan sos (dingin) | 350 g | 600 | 4½-5½ | 3 |
| | Letakkan pasta (contohnya spageti atau mi telur) di atas pinggan seramik leper. Tutup dengan plastik lekap gelombang mikro. Kacau sebelum menghidangkannya. | | | |

| Makanan | Saiz hidangan | Kuasa (W) | Masa memasak (min.) | Masa biar (min.) |
|---|---|---|---|---|
| Pasta yang diisi dengan sos (dingin) | 350 g | 600 | 5½-6½ | 3 |
| | Letakkan pasta yang diisi (contohnya ravioli, tortelini) di dalam pinggan seramik yang dalam. Tutup dengan penutup plastik. Kacau sekali-sekala semasa memanaskan semula dan sekali lagi sebelum membiarkan dan menghidangkannya. | | | |
| Hidangan dalam pinggan (dingin) | 450 g | 600 | 6-7 | 3 |
| | Letakkan hidangan dengan 2-3 komponen sejuk di atas pinggan seramik. Tutup dengan plastik lekap gelombang mikro. | | | |

Makanan bayi & susu

| Makanan | Saiz hidangan | Kuasa (W) | Masa memasak (saat) | Masa biar (min.) |
|---|---|---|---|---|
| Makanan bayi (sayuran + daging) | 190 g | 600 | 30 | 2-3 |
| | Letakkan di dalam pinggan seramik yang dalam. Masak bertutup. Kacau selepas masa memasak. Biarkan selama 2-3 minit. Sebelum menghidangkan, kacau rata dan periksa suhunya dengan teliti. | | | |
| Bubur Bayi (bijirin + susu + buah) | 190 g | 600 | 20 | 2-3 |
| | Letakkan di dalam pinggan seramik yang dalam. Masak bertutup. Kacau selepas masa memasak. Biarkan selama 2-3 minit. Sebelum menghidangkan, kacau rata dan periksa suhunya dengan teliti. | | | |
| Susu bayi | 100 ml<br>200 ml | 300 | 30-40<br>60-70 | 2-3 |
| | Kacau rata atau goncang betul-betul dan tuang ke dalam botol kaca yang telah disteril. Letakkan di tengah-tengah pinggan putar. Masak tanpa ditutup. Goncang betul-betul dan biarkan selama sekurang-kurangnya 3 minit. Sebelum menghidangkan, goncang betul-betul dan periksa suhunya dengan teliti. | | | |

# Memasak Pintar

Mencair beku

Letakkan makanan sejuk beku dalam bekas selamat gelombang mikro tanpa penutup. Balik-balikkan semasa mencair beku dan keringkan cecair dan buang giblet selepas mencair beku. Untuk mencair beku yang lebih cepat, potong makanan ke pada kepingan kecil dan balut dengan kerajang aluminium sebelum mencair beku. Apabila permukaan luar makanan sejuk beku mula mencair, hentikan mencair beku dan biarkan seperti yang diarahkan dalam jadual di bawah.
Jangan ubah aras kuasa lalai (180 W) untuk mencair beku.

| Makanan | | Saiz hidangan (g) | Masa Mencair Beku (min.) | Masa biar (min.) |
|---|---|---|---|---|
| Daging | Daging cincang | 250<br>500 | 4-6<br>9-11 | 15-30 |
| | Stik babi | 250 | 7-8 | |
| | Letakkan daging di atas pinggan kerak. Balut bahagian-bahagian tepi yang lebih nipis dengan kerajang aluminium. Balikkan selepas separuh masa mencair beku! | | | |
| Ayam Itik | Kepingan ayam | 500 (2 keping) | 12-14 | 15-60 |
| | Seekor ayam | 1200 | 28-32 | |
| | Mula-mula, letakkan kepingan-kepingan ayam dengan bahagian kulit di bawah dahulu, seekor ayam bahagian dada di bawah dahulu di atas pinggan seramik yang leper. Balut bahagian-bahagian yang lebih nipis seperti kepak dan bahagian hujung dengan kerajang aluminium. Balikkan selepas separuh masa mencair beku! | | | |
| Ikan | Filet Ikan | 200 | 6-7 | 10-25 |
| | Seekor ikan | 400 | 11-13 | |
| | Letakkan ikan sejuk beku di tengah-tengah pinggan seramik yang leper. Atur bahagian-bahagian yang lebih nipis di bawah bahagian-bahagian yang lebih tebal. Balut hujung sempit filet dan ekor ikan menggunakan kerajang aluminium. Balikkan selepas separuh masa mencair beku! | | | |
| Buah-Buahan | Beri | 300 | 6-7 | 5-10 |
| | Selerakkan buah di atas bekas kaca yang bulat dan leper (dengan garis pusat yang besar). | | | |
| Roti | Roti rol<br>(setiap satu 50 g) | 2 kpg<br>4 kpg | 1-1½<br>2½-3 | 5-20 |
| | Roti bakar/sandwic | 250 | 4-4½ | |
| | Roti Jerman | 500 | 7-9 | |
| | Atur rol dalam satu bulatan atau roti secara mendatar di atas kertas dapur di pinggan seramik. Balikkan selepas separuh masa mencair beku! | | | |

**Panduan menggril**

Elemen pemanasan gril terletak di bawah siling ruang memasak. Elemen ini beroperasi hanya semasa pintu ditutup dan piring putar berputar.
Apabila menggril makanan, letakkan makanan dia atas rak tinggi kecuali diarahkan sebaliknya.
Prapanas gril selama 2-3 minit dengan mod Gril, dan, kecuali diarahkan sebaliknya di bawah, gril makanan dia tas rak tinggi. Apabila menggril selesai, gunakan sarung tangan ketuhar untuk mengeluarkan makanan.

Alat memasak

Gril: Gunakan bekas kalis api, yang mungkin mengandungi bahagian logam. Jangan gunakan apa sahaja alat memasak plastik.

Gelombang Mikro + Gril: Jangan gunakan alat memasak yang diperbuat daripada bahan logam atau plastik.

Jenis makanan

Potongan daging, sosej, stik, hamburger, hirisan dendeng babi dan gamon, bahagian ikan yang nipis, sandwic dan semua jenis roti bakar dengan hias atas.

Menggril

| Makanan | Saiz hidangan | Mod | Masa memasak (Sisi pertama) (min.) | Masa memasak (Sisi kedua) (min.) |
|---|---|---|---|---|
| Kepingan Roti Bakar | 4 kpg. (25 g setiap satu) | Gril sahaja | 3½-4½ | 2-2½ |
| | Letakkan kepingan roti bakar sebelah-menyebelah di atas rak. | | | |
| Tomato gril | 2 kpg. (400 g) | 300 W + Gril | 6-7 | - |
| | Potong tomato menjadi dua bahagian. Letakkan sedikit keju di atasnya. Atur dalam satu bulatan di dalam bekas pyrex kaca yang leper. Letakkan ia di atas rak tinggi. Biarkan selama 2-3 minit. | | | |
| Roti bakar tomato + keju | 4 kpg. (300 g) | 180 W + Gril | 5-6 | - |
| | Bakar kepingan roti dahulu. Letakkan roti bakar dengan hiasan atas di atas rak tinggi. Biarkan selama 2-3 minit | | | |
| Roti Bakar Hawaii | 4 kpg. (500 g) | 300 W + Gril | 5-6 | - |
| | Bakar kepingan roti dahulu. Letakkan roti bakar dengan hiasan atas di atas rak tinggi. Biarkan selama 2-3 minit. | | | |

| Makanan | Saiz hidangan | Mod | Masa memasak (Sisi pertama) (min.) | Masa memasak (Sisi kedua) (min.) |
|---|---|---|---|---|
| Kentang bakar | 500 g | 450 W + Gril | 14-16 | - |
| | Potong kentang menjadi dua bahagian. Sapukan kentang dengan minyak dan pasli. Letakkan ia dalam satu bulatan di atas rak tinggi dengan bahagian terpotong menghadap gril. | | | |
| Epal bakar | 2 epal | 300 W + Gril | 6-7 | - |
| | Korek empulur epal dan isikan dengan kismis dan jem. Letakkan sedikit hirisan badam di atasnya. Letakkan epal di atas bekas pyrex kaca yang leper. Letakkan bekas langsung di atas rak rendah. | | | |
| Ayam Panggang | 1200-1300 g | 450 W + Gril | 19-23 | 20-24 |
| | Sapukan ayam dengan minyak dan rempah. Letakkan ayam mula-mula bahagian dada di bawah, kedua bahagian dada di atas di atas rak rendah. Selepas memasak biarkan selama 5 minit. | | | |
| Kepingan ayam | 500 g (2 kpg.) | 300 W + Gril | 9-11 | 8-10 |
| | Sapukan kepingan ayam dengan minyak dan rempah. Letakkan ia dalam satu bulatan di atas rak tinggi. Selepas menggril, biarkan selama 2-3 minit. | | | |
| Stik daging lembu (sederhana) | 400 g (2 kpg.) | Gril sahaja | 8-12 | 6-10 |
| | Sapu stik lembu dengan minyak. Letakkan ia dalam satu bulatan di atas rak tinggi. Selepas menggril, biarkan selama 2-3 minit. | | | |
| Ikan Panggang | 400-500 g | 300 W + Gril | 6-8 | 5½-6½ |
| | Sapukan kulit seekor ikan dengan minyak dan tambahkan herba dan rempah. Letakkan dua ikan sebelah-menyebelah (kepala pada ekor) di atas rak tinggi. Selepas menggril, biarkan selama 2-3 minit. | | | |

Pinggan kerak

Kami mengesyorkan anda supaya prapanas pinggan kerak ketika ia berada di atas piring putar selama 3-4 minit.

| Makanan | Saiz hidangan (g) | Prapanas | | Masakan | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | Mod | Masa (min.) | Mod | Masa (min.) |
| Dendeng babi | 80 (4-6 hirisan) | 600 W + Gril | 3 | 600 W + Gril | 3-4 |
| | Panaskan dahulu pinggan kerak. Letakkan kepingan-kepingan sebelah-menyebelah di atas pinggan kerak. Letakkan pinggan di atas rak tinggi. | | | | |
| Tomato gril | 200 | 600 W + Gril | 3 | 300 W + Gril | 3½-4½ |
| | Panaskan dahulu pinggan kerak. Belah tomato menjadi dua bahagian. Letakkan sedikit keju di atasnya. Atur dalam satu bulatan di atas pinggan kerak dan letakkan di atas rak tinggi. | | | | |
| Baji Kentang | 250 | 600 W + Gril | 4 | 450 W + Gril | 8-10 |
| | Cuci dan bersihkan kentang. Potong kentang menjadi kiub yang sama saiznya. Sapukan dengan minyak zaitun, herba dan rempah. Susunkan kiub-kiub sama rata di atas pinggan. Letakkan pinggan di atas rak tinggi. Balikkan selepas 5-7 minit. | | | | |
| Naget ayam | 300 | 600 W + Gril | 4 | 600 W + Gril | 6-8 |
| | Panaskan dahulu pinggan kerak. Sapu pinggan dengan 1 sudu besar minyak. Letakkan nuget ayam di atas pinggan kerak. Letakkan pinggan di atas rak tinggi. Balikkan selepas 4-5 minit. | | | | |

# Memasak Pintar



**Panduan semburan panas**

Memasak dengan semburan panas adalah kombinasi berkuasa pemanas gril dalaman dan pemanas gelang perolakan dengan kipas di sisi. Udara panas bertiup dari atas rongga melalui lubang ke dalam ketuhar. Elemen pemanasan di bahagian atas dan sisi serta kipas pada dinding sisi, memastikan udara panas beredar sama rata.
Gunakan mod ini untuk biskut, skon, rol dan kek serta kek buah, choux dan souffle.
Semua perkakas kalis ketuhar konvensional, tin membakar dan helaian membakar – apa sahaja yang biasanya anda gunakan di dalam ketuhar perolakan tradisional – boleh digunakan.

<table>
<tr><th>Makanan</th><th>Saiz hidangan (g)</th><th>Mod (°C)</th><th>Masa Memasak (min.)</th></tr>
<tr><td rowspan="2">Tart mini/ snek piza sejuk beku</td><td>250</td><td>200</td><td>9-12</td></tr>
<tr><td colspan="3">Letakkan snek piza sejuk beku di atas pinggan kerak. Letakkan pinggan di atas rak rendah.</td></tr>
<tr><td rowspan="2">Kentang Goreng Ketuhar Beku</td><td>300</td><td>200</td><td>13-16</td></tr>
<tr><td colspan="3">Taburkan kentang goreng ketuhar sejuk beku di atas pinggan kerak. Letakkan pinggan di atas rak rendah.</td></tr>
<tr><td rowspan="2">Nuget ayam sejuk beku</td><td>300</td><td>200</td><td>6-9</td></tr>
<tr><td colspan="3">Letakkan nuget sejuk beku di atas pinggan kerak. Letakkan pinggan di atas rak tinggi.</td></tr>
<tr><td rowspan="2">Piza Sejuk Beku</td><td>300</td><td>200</td><td>13-15</td></tr>
<tr><td colspan="3">Letakkan piza sejuk beku di atas rak rendah.</td></tr>
<tr><td rowspan="2">Lasagna/ Gratin Pasta Buatan Sendiri</td><td>500</td><td>180</td><td>25-30</td></tr>
<tr><td colspan="3">Letakkan pasta dalam bekas tahan ketuhar. Letakkan pinggan di atas rak rendah.</td></tr>
<tr><td rowspan="2">Sayuran Panggang</td><td>300</td><td>200</td><td>6-10</td></tr>
<tr><td colspan="3">Bilas dan sediakan sayuran dalam bentuk hirisan (cth. courgette, terung, lada, labu). Sapukan minyak zaitun dan tambah rempah. Letakkan atas pinggan kerak di atas rak rendah.</td></tr>
</table>

#### Panduan perolakan

Perolakan
Dalam mod Perolakan, kedua-dua elemen pemanasan dan kipas dinding sisi beroperasi bersama untuk mengedarkan haba di dalam dan ruang memasak. Gunakan mod ini untuk biskut, skon, rol dan kek serta kek buah, choux dan souffle. Semua perkakas kalis ketuhar konvensional, tin membakar dan helaian membakar – apa sahaja yang biasanya anda gunakan di dalam ketuhar perolakan tradisional – boleh digunakan.

Gelombang Mikro+Perolakan
Mod kombinasi ini menggabungkan tenaga gelombang mikro dengan udara panas, mengakibatkan masa memasak dikurangkan dan menghasilkan permukaan makanan yang perang dan rangup. Ketuhar menawarkan 5 mod kombinasi berbeza untuk kemudahan anda. Gunakan ini untuk semua jenis daging dan ayam itik serta kaserol dan hidangan gratin, kek span dan kek buah ringan, pai dan repui, sayur panggang, skon dan roti. Gunakan alat memasak tahan ketuhar sahaja, seperti kaca, tembikar atau tembikar china tanpa perapi logam.

Prapanas gril dengan Prapanas Pantas dan tunggu sehingga ke kitaran lengkap. Tetapkan aras kuasa dan masa memasak seperti yang diarahkan di bawah. Gunakan sarung tangan ketuhar semasa mengeluarkan makanan.

| Makanan | Saiz hidangan (g) | Mod | Masa Memasak (min.) |
|---|---|---|---|
| Piza Sejuk Beku (sedia untuk dibakar) | 300-400 | Hanya 200 °C | 15-17 |
| | Letakkan piza di atas rak rendah. Selepas membakar, biarkan selama 2-3 minit | | |
| Lasagna sejuk beku | 400 | 450 W + 200 °C | 16-18 |
| | Letakkan di dalam bekas pyrex kaca bersaiz sesuai atau biarkan dalam bungkusan asalnya (pastikan ini sesuai untuk gelombang mikro dan haba ketuhar). Letakkan lasagna sejuk beku di atas rak rendah. Selepas memasak, biarkan selama 2-3 minit. | | |
| Daging lembu/kambing bebiri panggang (sederhana) | 1000-1200 | 450 W + 160 °C | 18-20 (sisi pertama)<br>15-17 (sisi kedua) |
| | Sapukan daging lembu/kambing bebiri dengan minyak dan rempahkan ia dengan lada, garam dan paprika. Letakkan ia di atas rak rendah, mula-mula dengan bahagian lemak di bawah. Selepas memasak, balut dengan kerajang aluminium dan biarkan selama 10-15 minit. | | |

# Memasak Pintar

| Makanan | Saiz hidangan (g) | Mod | Masa Memasak (min.) |
|---|---|---|---|
| Rol roti sejuk beku | 350 (6 kpg.) | 100 W + 160 °C | 6-8 |
| | Letakkan rol roti dalam satu bulatan di atas rak rendah. Biarkan selama 2-3 minit. | | |
| Kek marmar | 700 | Hanya 180 °C | 70-80 |
| | Letakkan doh segar di dalam bekas membakar logam hitam segi empat tepat kecil (panjangnya 25 sm). Letakkan pinggan di atas rak rendah. Selepas membakar biarkan selama 5-10 minit. | | |
| Kek Kecil | setiap 30 | Hanya 165 °C | 25-35 |
| | Letakkan sehingga 12-15 kek kecil / mufin dalam cawan kertas di atas pinggan kerak. Letakkan pinggan di atas rak rendah. Selepas membakar, biarkan selama 5 minit. | | |
| Kroisan/rol roti (doh segar) | 200-250 | Hanya 200 °C | 13-18 |
| | Letakkan kroisan dingin atau rol roti di atas kertas membakar di atas rak rendah. | | |
| Kek sejuk beku | 1000 | 180 W + 160 °C | 16-18 |
| | Letakkan kek sejuk beku terus di atas rak rendah. Selepas mencair beku dan menghangatkan, terus berdiri selama 15-20 minit. | | |
| Gratin Kentang Buatan Sendiri | 500 | 600 W<br>180 °C | 5-7 (sisi pertama)<br>12-16 (sisi kedua) |
| | Letakkan Gratin dalam bekas tahan ketuhar. Letakkan di atas rak rendah. | | |
| Quiche Buatan Sendiri (Saiz sederhana) | 500-600 | 170 °C | 40-42 |
| | Prapanas ketuhar kepada suhu 170 °C menggunakan mod perolakan. Sediakan quiche menggunakan kuali logam bersaiz sederhana dan letakkan di atas rak rendah. Rujuk resipi dalam panduan masak auto Semburan Panas. | | |
| Quiche buatan sendiri (Saiz besar) | 900-1000 | 180 W + 170 °C | 38-40 |
| | Prapanas ketuhar kepada suhu 170 °C menggunakan mod perolakan tanpa pinggan kerak. Sediakan quiche menggunakan pinggan kerak dan letakkan di atas rak rendah. Rujuk resipi dalam panduan masak auto Semburan Panas. | | |

## Cepat & Mudah

Mencairkan mentega
Letakkan 50 g mentega di dalam bekas kaca kecil yang dalam. Tutup dengan penutup plastik. Panaskan selama 30-40 saat menggunakan 900 W, sehingga mentega cair.

Mencairkan coklat
Letakkan 100 g coklat di dalam bekas kaca kecil yang dalam. Panaskan selama 3-5 minit, menggunakan 450 W sehingga coklat cair. Kacau sekali atau dua kali semasa mencairkan. Gunakan sarung tangan ketuhar semasa mengeluarkan!

Mencairkan madu batu
Letakkan 20 g madu batu di dalam bekas kaca kecil yang dalam. Panaskan selama 20-30 saat menggunakan 300 W, sehingga madu cair.

Mencairkan gelatin
Letakkan kepingan-kepingan gelatin kering (10 g) selama 5 minit dalam air sejuk. Letakkan gelatin yang telah dikeringkan di dalam mangkuk pyrex kaca yang kecil. Panaskan selama 1 minit menggunakan 300 W. Kacau selepas cair.

Memasak gerlis/aising (untuk kek dan gateaux)
Campurkan gerlis segera (kira-kira 14 g) dengan 40 g gula dan 250 ml air sejuk.
Masak tanpa ditutup dalam mangkuk pyrex kaca selama 3½ hingga 4½ minit menggunakan 900 W, sehingga gerlis/aising menjadi lutsinar. Kacau dua kali semasa memasak.

Memasak jem
Letakkan 600 g buah-buahan (contohnya beri campur) di dalam mangkuk pyrex kaca bertutup yang sesuai saiznya. Tambahkan 300 g gula penjeruk dan kacau rata. Masak bertutup selama 10-12 minit menggunakan 900 W. Kacau rata beberapa kali semasa memasak. Letakkan langsung ke dalam gelas jem yang kecil dengan penutup putar. Biarkan pada penutup selama 5 minit.

Memasak puding
Campurkan serbuk puding dengan gula dan susu (500 ml) dengan mengikut arahan pembuat dan kacau rata. Gunakan mangkuk pyrex kaca bertutup yang sesuai saiznya. Masak bertutup selama 6½ hingga 7½ minit menggunakan 900 W. Kacau rata beberapa kali semasa memasak.

Memerangkan hirisan badam
Selerakkan 30 g badam yang dihiris dengan rata di atas pinggan seramik bersaiz sederhana. Kacau beberapa kali semasa memerangkan selama 3½ hingga 4½ minit menggunakan 600 W. Biarkan ia selama 2-3 minit di dalam ketuhar. Gunakan sarung tangan ketuhar semasa mengeluarkan!

# Penyelesaian Masalah

Anda mungkin menghadapi masalah menggunakan ketuhar. Dalam kes begitu, semak terlebih dahulu jadual di bawah dan mencuba cadangannya. Jika masalah berlarutan, atau jika sebarang kod maklumat terus muncul pada paparan, hubungi pusat servis Samsung tempatan.

## Titik semakan

Jika anda menghadapi masalah dengan ketuhar, semak terlebih dahulu jadual di bawah dan mencuba cadangannya.

| Masalah | Punca | Tindakan |
|---|---|---|
| Umum | | |
| Butang tidak dapat ditekan dengan betul. | Bendasing mungkin terlekat di antara butang. | Buang bendasing tersebut dan cuba lagi. |
| | Untuk model sentuh: Lembapan pada luaran. | Lap lembapan daripada luaran. |
| | Kunci kanak-kanak diaktifkan. | Menyahaktifkan Kunci kanak-kanak. |
| Masa tidak dipaparkan. | Kuasa tidak dibekalkan. | Pastikan kuasa dibekalkan. |
| | Fungsi Eco (penjimatan kuasa) ditetapkan. | Mematikan fungsi Eco. |
| Ketuhar tidak berfungsi. | Kuasa tidak dibekalkan. | Pastikan kuasa dibekalkan. |
| | Pintu terbuka. | Tutup pintu dan cuba lagi. |
| | Mekanisme keselamatan pintu terbuka ditutup dengan bendasing. | Buang bendasing tersebut dan cuba lagi. |
| Ketuhar berhenti semasa dalam operasi. | Pengguna telah membuka pintu untuk membalikkan makanan. | Selepas membalikkan makanan, tekan butang Mula sekali lagi untuk memulakan operasi. |

| Masalah | Punca | Tindakan |
| --- | --- | --- |
| Kuasa mati semasa operasi. | Ketuhar telah memasak untuk tempoh masa yang lama. | Selepas memasak untuk tempoh masa yang lama, biarkan ketuhar menyejuk. |
| | Kipas pendinginan tidak berfungsi. | Dengar bunyi kipas pendinginan. |
| | Mencuba untuk mengoperasikan ketuhar tanpa makanan di dalamnya. | Letakkan makanan ke dalam ketuhar. |
| | Tiada ruang pengudaraan yang mencukupi untuk ketuhar. | Terdapat salur masuk/salur keluar di bahagian depan dan belakang ketuhar untuk pengudaraan. Kekalkan celah yang ditentukan dalam panduan pemasangan produk. |
| | Beberapa palam kuasa sedang digunakan dalam soket yang sama. | Tentukan hanya satu soket untuk digunakan untuk ketuhar. |
| Tiada kuasa untuk ketuhar. | Kuasa tidak dibekalkan. | Pastikan kuasa dibekalkan. |
| Terdapat bunyi pop semasa operasi dan ketuhar tidak berfungsi. | Memasak makanan dalam bekas dikedap atau menggunakan bekas dengan penutup boleh menyebabkan bunyi pop. | Jangan gunakan bekas yang dikedap kerana ia mungkin pecah semasa memasak disebabkan oleh pengembangan kandungan. |
| Luaran ketuhar terlalu panas semasa operasi. | Tiada ruang pengudaraan yang mencukupi untuk ketuhar. Terdapat salur masuk/salur keluar di bahagian depan dan belakang ketuhar untuk pengudaraan. | Kekalkan celah yang ditentukan dalam panduan pemasangan produk. |
| | Objek di atas ketuhar. | Buang semua objek di atas ketuhar. |
| Pintu tidak dapat dibuka dengan betul. | Sisa makanan terlekat antara pintu dan dalaman ketuhar. | Bersihkan ketuhar dan kemudian buka pintu. |

# Penyelesaian Masalah

| Masalah | Punca | Tindakan |
|---|---|---|
| Ketuhar tidak panas. | Ketuhar mungkin tidak berfungsi, terlalu banyak makanan sedang dimasak atau alat memasak yang tidak betul sedang digunakan. | Letakkan secawan air dalam bekas selamat gelombang mikro dan jalankan gelombang mikro selama 1-2 minit untuk memeriksa sama ada air dipanaskan.<br>Kurang kuantiti makanan dan mulakan fungsi sekali lagi.<br>Gunakan bekas memasak dengan bahagian bawah rata. |
| Pemanasan lemah atau perlahan. | Ketuhar mungkin tidak berfungsi, terlalu banyak makanan sedang dimasak atau alat memasak yang tidak betul sedang digunakan. | Letakkan secawan air dalam bekas selamat gelombang mikro dan jalankan gelombang mikro selama 1-2 minit untuk memeriksa sama ada air dipanaskan.<br>Kurang kuantiti makanan dan mulakan fungsi sekali lagi.<br>Gunakan bekas memasak dengan bahagian bawah rata. |
| Fungsi memanas tidak berfungsi. | Ketuhar mungkin tidak berfungsi, terlalu banyak makanan sedang dimasak atau alat memasak yang tidak betul sedang digunakan. | Letakkan secawan air dalam bekas selamat gelombang mikro dan jalankan gelombang mikro selama 1-2 minit untuk memeriksa sama ada air dipanaskan.<br>Kurang kuantiti makanan dan mulakan fungsi sekali lagi.<br>Gunakan bekas memasak dengan bahagian bawah rata. |
| Fungsi mencairkan tidak berfungsi. | Ketuhar mungkin tidak berfungsi, terlalu banyak makanan sedang dimasak atau alat memasak yang tidak betul sedang digunakan. | Letakkan secawan air dalam bekas selamat gelombang mikro dan jalankan gelombang mikro selama 1-2 minit untuk memeriksa sama ada air dipanaskan.<br>Kurang kuantiti makanan dan mulakan fungsi sekali lagi.<br>Gunakan bekas memasak dengan bahagian bawah rata. |

| Masalah | Punca | Tindakan |
|---|---|---|
| Lampu dalaman malap atau tidak hidup. | Pintu telah dibiarkan terbuka untuk masa yang lama. | Lampu dalaman boleh mati secara automatik apabila fungsi Eco beroperasi.<br>Tutup dan buka semula pintu atau tekan butang "Batal". |
| | Lampu dalaman ditutupi oleh bendasing. | Bersihkan dalam ketuhar dan semak lagi. |
| Bunyi bip berlaku semasa memasak. | Jika fungsi Memasak Auto sedang digunakan, bunyi bip ini bermakna tiba masanya untuk membalikkan makanan semasa mencair beku. | Selepas membalikkan makanan, tekan butang Mula sekali lagi untuk memulakan semula operasi. |
| Ketuhar tidak rata. | Ketuhar dipasang di atas permukaan tidak rata. | Pastikan ketuhar dipasang di atas permukaan rata dan stabil. |
| Terdapat percikan semasa memasak. | Bekas logam digunakan semasa fungsi ketuhar/mencair beku. | Jangan gunakan bekas logam. |
| Apabila kuasa disambungkan, ketuhar mula berfungsi dengan segera. | Pintu tidak ditutup dengan betul. | Tutup pintu dan periksa lagi. |
| Terdapat arus elektrik datang dari ketuhar. | Kuasa atau soket kuasa tidak dibumikan dengan betul. | Pastikan kuasa dan soket kuasa dibumikan dengan betul. |
| Terdapat air menitis. | Mungkin terdapat air atau stim dalam beberapa kes bergantung pada makanan.<br>Ini bukan pincang tugas ketuhar. | Biarkan ketuhar menyejuk dan kemudian lapkan dengan tuala pinggan kering. |
| Stim bocor dari pintu. | Mungkin terdapat air atau stim dalam beberapa kes bergantung pada makanan.<br>Ini bukan pincang tugas ketuhar. | Biarkan ketuhar menyejuk dan kemudian lapkan dengan tuala pinggan kering. |
| Terdapat air tertinggal dalam ketuhar. | Mungkin terdapat air atau stim dalam beberapa kes bergantung pada makanan.<br>Ini bukan pincang tugas ketuhar. | Biarkan ketuhar menyejuk dan kemudian lapkan dengan tuala pinggan kering. |

# Penyelesaian Masalah

| Masalah | Punca | Tindakan |
|---|---|---|
| Kecerahan di dalam ketuhar berbeza. | Kecerahan berubah bergantung pada perubahan output kuasa mengikut fungsi. | Perubahan output kuasa semasa memasak bukan pincang tugas. Ini bukan pincang tugas ketuhar. |
| Memasak selesai, tetapi kipas pendinginan masih berjalan. | Untuk mengudarakan ketuhar, kipas pendinginan berjalan selama kira-kira 5 minit selepas memasak selesai. | Ini bukan pincang tugas ketuhar. |
| Menekan butang +30 saat mengoperasi ketuhar. | Ini berlaku apabila ketuhar tidak beroperasi. | Ketuhar gelombang mikro direka bentuk untuk beroperasi dengan menekan butang +30 saat apabila ia tidak beroperasi. |
| Piring putar | | |
| Ketika berputar, piring putar terkeluar dari tempatnya atau berhenti berputar. | Tiada gelang roda atau gelang roda tidak berada di tempatnya dengan betul. | Pasang gelang roda dan kemudian cuba lagi. |
| Piring putar terseret semasa berputar. | Gelang roda tidak berada di tempatnya dengan betul, terdapat terlalu banyak makanan atau bekas terlalu besar dan menyentuh bahagian dalam gelombang mikro. | Laraskan kuantiti makanan dan jangan gunakan bekas yang terlalu besar. |
| Piring putar bergetar semasa berputar dan bising. | Sisa makanan terlekat di bawah ketuhar. | Buang sebarang sisa makanan yang terlekat di bawah ketuhar. |

| Masalah | Punca | Tindakan |
| --- | --- | --- |
| Gril | | |
| Asap keluar semasa operasi. | Semasa operasi awal, asap mungkin datang dari elemen pemanasan apabila anda kali pertama menggunakan ketuhar. | Ini bukan pincang tugas dan jika anda menjalankan ketuhar 2-3 kali, asap sepatutnya berhenti. |
| | Makanan berada pada elemen pemanasan. | Biarkan ketuhar menyejuk dan kemudian buang makan dari elemen pemanasan. |
| | Makanan terlalu hampir dengan gril. | Letakkan makanan pada jarak yang sesuai semasa memasak. |
| | Makanan tidak disediakan dan/atau disusun dengan betul. | Pastikan makanan disediakan dan disusun dengan betul. |
| Ketuhar | | |
| Ketuhar tidak panas. | Pintu terbuka. | Tutup pintu dan cuba lagi. |
| Asap keluar semasa prapemanasan. | Semasa operasi awal, asap mungkin datang dari elemen pemanasan apabila anda kali pertama menggunakan ketuhar. | Ini bukan pincang tugas dan jika anda menjalankan ketuhar 2-3 kali, asap sepatutnya berhenti. |
| | Makanan berada pada elemen pemanasan. | Biarkan ketuhar menyejuk dan kemudian buang makan dari elemen pemanasan. |
| Terdapat bau terbakar atau plastik semasa menggunakan ketuhar. | Alat memasak plastik atau tidak tahan panas digunakan. | Gunakan alat memasak kaca yang sesuai untuk suhu tinggi. |
